

**SIJIL**  
**Takaful *myHome Solar***

**Peserta** seperti yang dinamakan di dalam **Jadual** bersetuju untuk menyertai Takaful *myHome Solar* dan membayar sebahagian **Sumbangan** ke dalam **Dana Takaful Am** (“**DTA**”) berdasarkan **Tabarru’**. **Peserta** memberi **Syarikat** kuasa berdasarkan **Wakalah** untuk menguruskan **DTA** dan sebagai pulangannya, **Syarikat** menerima yuran **Wakalah**.

**Peserta** bersetuju bahawa sebarang agihan lebihan yang timbul daripada **DTA** seperti yang ditentukan oleh **Kami** akan diagihkan sekurang-kurangnya lima puluh peratus (50%) kepada peserta yang layak berdasarkan **Hibah** dan baki agihan lebihan akan dibayar kepada **Kami** sebagai insentif prestasi berdasarkan **Ju’alah**. Jika **DTA** mengalami defisit, peserta bersetuju untuk menerima pinjaman tanpa manfaat yang akan **Syarikat** berikan kepada **DTA** berdasarkan **Qard**.

Manfaat-manfaat yang dibayar di bawah produk yang layak adalah dilindungi oleh Perbadanan Insurans Deposit Malaysia (PIDM) sehingga had perlindungan. Sila rujuk Brosur Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans ([TIPS](#)) PIDM atau hubungi Takaful Malaysia atau PIDM (laiari [www.pidm.gov.my/my](http://www.pidm.gov.my/my)).

#### **Terpakai untuk Kontrak Takaful Pengguna**

**Sijil** ini dikeluarkan sebagai pertimbangan terhadap bayaran **Sumbangan** seperti yang dinyatakan dalam **Jadual Sijil** dan berdasarkan jawapan yang diberikan dalam Borang Cadangan (atau apabila **Peserta** memohon **Takaful** ini) serta sebarang pendedahan lain yang dibuat oleh **Peserta** antara waktu penyerahan Borang Cadangan (atau apabila **Peserta** memohon **Takaful** ini) dan waktu kontrak ini dimeterai. Jawapan dan sebarang pendedahan lain yang diberikan oleh **Peserta** akan menjadi sebahagian daripada kontrak **Takaful** ini antara **Peserta** dan **Syarikat**. Sekiranya terdapat sebarang salah nyata sebelum kontrak yang dibuat berkaitan dengan jawapan atau pendedahan oleh **Peserta**, hanya remedi yang diperuntukkan dalam Jadual 9 Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 (“**IFSA**”) yang akan diguna pakai.

#### **Terpakai untuk Kontrak Takaful Komersial**

**Sijil** ini dikeluarkan sebagai pertimbangan terhadap bayaran **Sumbangan** seperti yang dinyatakan dalam **Jadual Sijil** dan berdasarkan jawapan yang diberikan dalam Borang Cadangan (atau apabila **Peserta** memohon **Takaful** ini) serta sebarang pendedahan lain yang dibuat oleh **Peserta** antara waktu penyerahan Borang Cadangan (atau apabila **Peserta** memohon **Takaful** ini) dan waktu kontrak ini dimeterai. Jawapan dan sebarang pendedahan lain yang diberikan oleh **Peserta** akan menjadi sebahagian daripada kontrak **Takaful** ini antara **Peserta** dan **Syarikat**. Sekiranya terdapat sebarang salah nyata sebelum kontrak yang dibuat berkaitan dengan jawapan atau pendedahan oleh **Peserta**, ia boleh mengakibatkan pembatalan kontrak Takaful **Peserta**, penolakan atau pengurangan tuntutan **Peserta**, perubahan terma atau penamatkan kontrak Takaful **Peserta**.

**Sijil** ini menunjukkan terma dan syarat kontrak **Takaful** sebagaimana yang dipersetujui antara **Peserta** dan **Syarikat**.

**SYARIKAT BERSETUJU** tertakluk kepada Terma dan Syarat yang terkandung di sini atau yang diperakui atau dinyatakan dengan cara lain bahawa perlindungan **Takaful** disediakan mengikut pelbagai Seksyen yang disertakan dalam **Jadual** yang dilampirkan pada **Sijil** ini.

Seksyen-seksyen yang disertakan adalah: -

<b>Seksyen 1</b>	<b>Semua Risiko</b>
<b>Seksyen 2</b>	<b>Kehilangan Penjimatan Elektrik</b>
<b>Seksyen 3</b>	<b>Liabiliti Awam</b>

## DEFINISI PERKATAAN (TERPAKAI UNTUK SEMUA SEKSYEN)

Beberapa perkataan dan istilah dalam **Sijil** ini mempunyai maksud tertentu seperti yang diberikan di bawah. Setiap perkataan ditulis dalam huruf tebal apabila ia terdapat dalam **Sijil**.

1. “**Anda**” dan “**Milik Anda**” merujuk kepada orang yang dinamakan **dalam Jadual** sebagai “**Peserta**”.
2. “**Cadangan**” bermaksud **Cadangan** dan pengisytiharan sebarang maklumat yang berkaitan dengan **Sijil** ini yang dibekalkan oleh atau bagi pihak **Peserta**.
3. “**Dana Takaful Am**” or “**DTA**” merujuk kepada dana yang ditubuhkan bagi mengumpul sebahagian daripada Sumbangan yang dibayar oleh **Peserta**, berdasarkan ‘Tabarru’ bagi tujuan memenuhi tuntutan yang berkaitan dengan peristiwa atau risiko yang dinyatakan dalam **Sijil** ini. Dana ini dimiliki secara kolektif oleh kumpulan **Peserta**.
4. “**Ekses**” bermaksud, jumlah yang perlu dibayar oleh **Peserta** sebelum **Syarikat** bertanggungjawab untuk membuat bayaran, seperti yang dinyatakan dalam **Jadual** (jika ada) yang terpakai bagi Seksyen tersebut berkenaan dengan sesuatu tuntutan.
5. “**Endorsmen**” bererti sebarang pembetulan kepada **Sijil** atau had seperti yang dinyatakan dalam dokumen yang dilampirkan pada Seksyen yang berkaitan dalam **Sijil** atau yang dinyatakan dalam **Jadual** yang terpakai kepada Seksyen tersebut.
6. “**Harta benda**” bermaksud **Harta benda Peserta** di bawah mana-mana Seksyen dalam **Sijil** ini, seperti yang dinyatakan dalam **Jadual** yang terpakai bagi Seksyen tersebut.
7. “**Hibah**” merujuk kepada pemindahan hak milik atas satu asset dari penderma kepada penerima tanpa sebarang pertimbangan. Di bawah **Sijil** ini, manfaat yang dibayar dari **DTA** adalah berdasarkan **Hibah**.
8. “**Jadual**” bermaksud **Jadual** yang dilampirkan dan menjadi sebahagian daripada **Sijil** ini termasuk pembaharuan sama ada secara keseluruhan atau sebahagian.
9. “**Ju’alah**” merujuk kepada kontrak di mana sebuah pihak menawarkan ganjaran tertentu kepada pihak lain yang mencapai keputusan yang ditentukan. Di bawah **Sijil** ini, **Peserta** membenarkan **Syarikat** menerima sebahagian daripada agihan lebihan yang timbul daripada **DTA** sebagai insentif prestasi untuk pencapaian **Syarikat** dalam menguruskan **DTA** yang menghasilkan lebihan.
10. “**Jumlah Perlindungan**” bermaksud jumlah perlindungan yang dinyatakan dalam **Jadual** yang terpakai bagi Seksyen tersebut.
11. “**Jumlah Perlindungan Keseluruhan/Had Ganti Rugi/Had Liabiliti**” bermaksud jumlah maksimum perlindungan yang mungkin menjadi tanggungan **Syarikat** bagi Seksyen yang dinyatakan dalam **Jadual**.
12. “**Kami, Syarikat, Takaful Malaysia**” merujuk kepada Syarikat Takaful Malaysia Am Berhad.
13. “**Kerosakan**” bermaksud **Kerosakan** fizikal atau kemusnahan kepada **Harta benda**, yang mengakibatkan kemerosotan kegunaan atau **Kerugian** nilai (melainkan ditakrifkan sebaliknya dalam mana-mana Seksyen).
14. “**Kerugian**” bermaksud sebarang pengurangan atau kehilangan **Harta benda Peserta** yang tidak dapat dipulihkan, tidak dijangka, dan tidak berulang, atau barang milik ditanggung oleh **Peserta** yang dilindungi di bawah perlindungan yang diperoleh oleh **Peserta** di bawah **Sijil** ini.
15. “**Peserta**” merujuk kepada individu atau entiti perniagaan/syarikat yang diterangkan dalam **Jadual**.

16. "**Premis**" bermaksud bangunan yang dirujuk melalui alamat **Peserta** seperti yang dinyatakan dalam **Jadual** kepada Seksyen yang berkenaan sebagai rumah kediaman persendirian **Peserta** dan termasuk kawasan luar/kompaun yang merupakan sebahagian daripada Premis (melainkan jika ditakrifkan sebaliknya dalam mana-mana Seksyen).
17. "**Qard**" merujuk kepada kontrak meminjamkan wang oleh pemberi pinjaman kepada peminjam di mana peminjam terikat untuk membayar balik jumlah gantian yang setara kepada pemberi pinjaman. Di bawah **Sijil** ini, **Syarikat** akan meminjamkan sejumlah wang kepada **DTA** tanpa faedah jika **DTA** mengalami defisit.
18. "**Sijil**" merujuk kepada kontrak **Peserta Takaful** yang terdiri daripada perkataan-perkataan dalam **Sijil** dan **Jadual** ini.
19. "**Sumbangan**" bermaksud jumlah keseluruhan yang perlu dibayar oleh **Peserta** kepada **Syarikat** kecuali caj Kerajaan, seperti yang dinyatakan dalam **Jadual**.
20. "**Tabarru'**" merujuk kepada derma bagi tujuan kebajikan. Di bawah **Sijil** ini, **Peserta** menderma sebahagian daripada **Sumbangan** kepada **DTA** berdasarkan **Tabarru'** untuk membantu **Peserta** lain. **Tabarru'** berkuat kuasa apabila **Peserta** menyumbang kepada **DTA**.
21. "**Takaful**" merujuk kepada skim bantuan bersama berdasarkan prinsip persaudaraan, perpaduan dan kerjasama di mana setiap **Peserta** bersetuju untuk menyumbang sejumlah wang berdasarkan **Tabarru'** ke dalam dana bersama untuk menyediakan bantuan kewangan yang perlu dibayar kepada **Peserta**, orang yang dilindungi atau penerima manfaat apabila berlakunya kejadian yang tidak dapat dijangka.
22. "**Tempoh Takaful**" bererti, tempoh perlindungan seperti yang dinyatakan dalam **Jadual Sijil**.
23. "**Wakalah**" merujuk kepada kontrak di mana sebuah pihak, sebagai prinsipal memberi kuasa kepada pihak lain sebagai ejennya untuk melaksanakan tugas tertentu mengenai perkara yang mungkin diwakilkan, dengan atau tanpa mengenakan bayaran. Di bawah **Sijil** ini, **Peserta** memberi kuasa kepada **Syarikat** untuk menguruskan **DTA** berdasarkan **Wakalah** dan sebagai balasan, **Syarikat** akan menerima yuran **Wakalah**.

## **SYARAT-SYARAT AM (TERPAKAI UNTUK SEMUA SEKSYEN)**

1. **TAFSIRAN**  
**Sijil** dan **Jadual** ini hendaklah dibaca bersama sebagai satu kontrak, dan mana-mana perkataan atau frasa yang diberikan makna khusus dalam mana-mana bahagian **Sijil** atau **Jadual** ini, hendaklah membawa makna tersebut di mana-mana juga ia digunakan.
2. **PEMATUHAN**  
 Pematuhan dan memenuhi terma dan syarat **Sijil** ini, setakat mana ia berkaitan dengan perkara yang perlu atau tidak perlu dilakukan oleh **Peserta**; serta kebenaran semua kenyataan dan maklumat yang dibekalkan kepada **Syarikat** oleh **Peserta**, akan menjadi syarat utama kepada sebarang liabiliti **Syarikat** untuk membuat sebarang bayaran di bawah **Sijil** ini.
3. **LANGKAH MUNASABAH**  
**Peserta** hendaklah mengambil langkah berjaga-jaga yang munasabah untuk mengelakkan kemalangan yang mengakibatkan kecederaan, **Kerugian**, kemasuhan dan/atau **Kerosakan** kepada **Harta benda**, orang dan hendaklah mematuhi semua kewajipan dan peraturan yang ditetapkan dalam mana-mana undang-undang yang berkenaan atau yang dikenakan oleh mana-mana pihak berkuasa.
4. **NOTIS**  
 Setiap notis dan komunikasi lain kepada **Syarikat** sebagaimana yang dikehendaki di bawah **Sijil** ini hendaklah secara bertulis atau bercetak.

**5. TAKAFUL/INSURANS LAIN**

**Peserta** hendaklah memberi notis kepada **Syarikat** mengenai sebarang perlindungan **Takaful** atau insurans yang telah diambil atau yang mungkin diambil kemudian, yang meliputi mana-mana **Harta benda** yang dilindungi. Kecuali jika notis tersebut diberikan dan butiran **Takaful** atau insurans tersebut dinyatakan dalam atau dicatat pada **Sijil** ini oleh atau bagi pihak **Syarikat** sebelum berlakunya sebarang **Kerugian** atau **Kerosakan**, semua manfaat di bawah **Sijil** ini akan terbatas.

**6. PEMBATALAN**

**Sijil** ini atau perlindungan di bawah mana-mana Seksyen yang dinyatakan:

- (a) boleh ditamatkan pada bila-bila masa atas permintaan **Peserta**, dalam kes ini **Syarikat** akan memulangkan sumbangan secara pro-rata.
- (b) **Syarikat** juga boleh membatalkan **Sijil** ini dengan memberi **Peserta** notis empat belas (14) hari secara bertulis melalui surat berdaftar kepada alamat terakhir yang diketahui. Dalam kes ini, **Syarikat** akan bertanggungjawab untuk membayar semula secara pro-rata **Sumbangan** bagi tempoh yang belum tamat dari tarikh pembatalan.

**7. KUAT KUASA SEMULA JUMLAH DILINDUNGI DAN/ATAU JUMLAH KESELURUHAN DILINDUNGI SELEPAS KERUGIAN**

Sekiranya berlaku **Kerugian**, **Takaful** di bawah ini akan terus berkuat kuasa bagi **Jumlah Dilindungi** penuh dan/atau **Jumlah Keseluruhan Dilindungi**, dan **Peserta** akan bertanggungjawab untuk membayar **Sumbangan** tambahan pada kadar yang dinyatakan dalam **Jadual**, dikira berdasarkan jumlah **Kerugian** secara pro-rata dari tarikh **Kerugian** tersebut hingga tamat **Tempoh Takaful** semasa.

Fasal ini tidak terpakai bagi Seksyen 3 – Liabiliti Awam.

**8. KETERANGAN YANG SALAH**

Sekiranya terdapat sebarang keterangan yang salah berkaitan mana-mana **Harta benda** yang dilindungi di bawah ini, atau mana-mana bangunan atau tempat di mana **Harta benda** tersebut berada, atau sebarang pernyataan yang salah mengenai fakta penting untuk menilai risiko, atau sebarang peninggalan untuk menyatakan fakta tersebut, **Syarikat** tidak akan bertanggungjawab di bawah **Sijil** ini setakat mana ia berkaitan dengan **Harta benda** yang terjejas akibat keterangan salah, pernyataan salah atau peninggalan tersebut, mengikut mana yang berkenaan.

Fasal ini tidak terpakai bagi Seksyen 3 – Liabiliti Awam.

**9. PENIPUAN**

Sekiranya tuntutan tersebut dalam apa jua aspek adalah bersifat penipuan, atau jika sebarang pernyataan palsu dibuat atau digunakan untuk menyokongnya, atau jika sebarang cara atau alat penipuan digunakan oleh **Peserta** atau sesiapa yang bertindak bagi pihaknya untuk mendapatkan manfaat di bawah **Sijil** ini; atau, jika **Kerugian** atau **Kerosakan** disebabkan oleh tindakan sengaja atau dengan kerjasama **Peserta**; atau, jika tuntutan dibuat dan ditolak dan tindakan atau saman tidak dimulakan dalam tempoh tiga (3) bulan selepas penolakan tersebut, (atau dalam kes Timbang Tara menurut Fasal 14 dalam tempoh tiga (3) bulan selepas Penimbang Tara atau Penimbang Tara-Penimbang Tara atau Pengadil membuat keputusan mereka), semua manfaat di bawah **Sijil** ini akan terlucut.

**10. HAD MASA**

Dalam apa jua keadaan, **Syarikat** tidak akan bertanggungjawab ke atas sebarang tuntutan di bawah mana-mana Seksyen **Sijil** ini selepas tamat tempoh:

- (a) satu tahun dari tamatnya **Tempoh Takaful** yang dinyatakan dalam Seksyen/Jadual berkenaan; atau
- (b) tiga bulan dari tarikh bayaran dibuat atau liabiliti diakui oleh **Syarikat** yang meliputi **Kerosakan** yang membawa kepada tuntutan tersebut; kecuali tuntutan tersebut adalah subjek tindakan yang belum selesai atau timbang tara.

Fasal ini terpakai bagi Seksyen 3 berdasarkan asas kejadian.

**11. SUBROGASI**

**Peserta** hendaklah, atas perbelanjaan **Syarikat**, melakukan dan bersetuju untuk melakukan, serta mendapatkan kebenaran, semua tindakan dan perkara sedemikian sepetimana perlu atau munasabah yang diperlukan oleh **Syarikat** bagi tujuan menguatkuasakan hak dan remedi atau untuk mendapatkan pampasan atau ganti rugi daripada pihak lain yang mana **Syarikat** berhak atau akan berhak atau disubrogasikan setelah membayar atau menggantikan sebarang **Kerugian** atau **Kerosakan** di bawah **Sijil** ini, sama ada tindakan dan perkara tersebut perlu atau dikehendaki sebelum atau selepas pampasan diberikan oleh **Syarikat**.

**12. SUMBANGAN**

Jika pada masa berlakunya sebarang **Kerugian** atau **Kerosakan** terhadap mana-mana **Harta benda** yang dilindungi, terdapat sebarang **Takaful** atau Insurans lain yang masih berkuat kuasa, sama ada diambil oleh **Peserta** atau oleh mana-mana orang lain yang melindungi **Harta benda** yang sama, **Syarikat** tidak akan bertanggungjawab untuk membayar atau menyumbang lebih daripada bahagian perkadarannya terhadap **Kerugian** atau **Kerosakan** tersebut.

**13. PURATA (Terpakai untuk Seksyen 1)**

Jika pada masa berlakunya **Kerugian**, **Harta benda** yang dilindungi di bawah **Sijil** ini mempunyai nilai keseluruhan yang lebih tinggi daripada **Jumlah Perlindungan** yang dinyatakan, maka **Peserta** akan dianggap sebagai menanggung sendiri perbezaan tersebut dan akan menanggung sebahagian daripada **Kerugian** mengikut nisbah perkadaran yang sewajarnya. Setiap item, jika lebih daripada satu, di bawah **Sijil** ini akan tertakluk secara berasingan kepada syarat ini.

**14. TIMBANG TARA DAN PENYELESAIAN PERTIKAIAN**

Jika terdapat sebarang perbezaan mengenai jumlah **Kerugian** atau **Kerosakan** atau liabiliti di bawah **Sijil** ini, perbezaan tersebut, tanpa mengambil kira soalan-soalan lain, hendaklah dirujuk kepada mediasi di hadapan seorang mediator yang dipilih oleh pihak-pihak berkenaan atau, jika pihak tidak dapat mencapai persetujuan, oleh Pusat Timbang Tara Antarabangsa Asia ("AIAC").

Mediasi akan diadakan di Kuala Lumpur, Malaysia. Jika pertikaian atau tuntutan tersebut tidak dapat diselesaikan dalam tempoh sembilan puluh (90) hari (atau tempoh yang lebih lama, seperti yang dipersetujui oleh pihak-pihak berkenaan), mediasi tersebut akan tamat dan pertikaian tersebut hendaklah diselesaikan melalui timbang tara mengikut peraturan AIAC yang mana setiap pihak bersetuju untuk menyerah diri bagi tujuan tersebut.

Tempat bagi timbang tara adalah di Kuala Lumpur, Malaysia. Keputusan timbang tara adalah mengikat kepada pihak-pihak, dan penghakiman terhadap sebarang anugerah timbang tara boleh dimasukkan ke dalam mana-mana mahkamah yang mempunyai bidang kuasa.

**15. BIDANG KUASA**

Perlindungan **Takaful** yang diberikan di bawah **Sijil** ini hanya terpakai bagi penghakiman yang dikeluarkan oleh atau diperoleh daripada mahkamah di MALAYSIA, dan tidak terpakai bagi sebarang penghakiman atau perintah yang diperoleh di MALAYSIA untuk penguatkuasaan penghakiman yang diperoleh di tempat lain.

**16. FASAL PEMBERITAHUAN KERUGIAN**

Walau apa pun yang dinyatakan sebaliknya dalam **Sijil** ini, adalah diisyiharkan dan dipersetujui bahawa **Takaful** ini tidak akan terjejas oleh sebarang penangguhan yang tidak disengajakan, kesalahan atau peninggalan yang tidak disengajakan dalam memberitahu **Syarikat** mengenai sebarang keadaan yang boleh atau mungkin menimbulkan tuntutan di bawah **Sijil** ini, dengan syarat bahawa: -

- (a) penangguhan dalam pemberitahuan tersebut tidak melebihi 30 hari dari tarikh berlakunya **Kerugian**;
- (b) hak **Syarikat** untuk memulihkan (atas nama **Peserta** atau sebaliknya) daripada mana-mana pihak yang bertanggungjawab terhadap **Kerugian** tidak akan diprejudisikan;
- (c) beban untuk membuktikan bahawa **Kerugian** telah berlaku adalah terletak pada **Peserta**.

## 17. TUNTUTAN

Apabila berlakunya sebarang **Kerugian** atau **Kerosakan**, **Peserta** hendaklah segera memberitahu **Syarikat** mengenai kejadian tersebut dan hendaklah dalam tempoh tiga puluh (30) hari selepas **Kerugian** atau **Kerosakan**, atau dalam tempoh tambahan yang dibenarkan secara bertulis oleh **Syarikat**, mengemukakan kepada **Syarikat**:

- (a) tuntutan bertulis bagi **Kerugian** dan **Kerosakan** yang mengandungi butiran lengkap setakat yang munasabah mengenai semua artikel atau item **Harta benda** yang rosak atau musnah, serta jumlah **Kerugian** atau **Kerosakan** tersebut berdasarkan nilai pada masa berlakunya **Kerugian** atau **Kerosakan**, tidak termasuk keuntungan dalam apa jua bentuk;
- (b) butiran mengenai semua **Takaful**/insurans lain, jika ada;
- (c) laporan polis (jika berkenaan);
- (d) bukti pembelian bagi artikel atau item yang dituntut (jika berkenaan);
- (e) tiada pengakuan, tawaran, janji atau bayaran yang boleh dibuat oleh atau bagi pihak **Peserta** tanpa persetujuan bertulis daripada **Syarikat** dimana akan berhak, jika ia berhasrat, untuk mengambil alih dan mengendalikan atas nama **Peserta** pembelaan atau penyelesaian bagi sebarang tuntutan atau untuk memfailkan tuntutan bagi manfaatnya sendiri untuk ganti rugi atau pampasan atau sebaliknya, dan **Syarikat** mempunyai budi bicara sepenuhnya dalam mengendalikan sebarang prosiding dan dalam penyelesaian sebarang tuntutan dan **Peserta** hendaklah memberikan semua maklumat dan bantuan yang mungkin diperlukan oleh **Syarikat**.

**Peserta** juga hendaklah pada setiap masa atas perbelanjaannya sendiri mengemukakan, mendapatkan dan memberikan kepada **Syarikat** semua butiran lanjut, pelan, spesifikasi, buku, baucar, invois, salinan pendua atau salinannya, dokumen, bukti dan maklumat berkaitan tuntutan serta asal usul dan punca kebakaran serta keadaan di mana **Kerugian** atau **Kerosakan** berlaku, dan sebarang perkara yang berkaitan dengan liabiliti atau jumlah liabiliti **Syarikat** yang mungkin diminta secara munasabah oleh atau bagi pihak **Syarikat** bersama dengan pengisyhtaran bersumpah atau dalam bentuk undang-undang lain mengenai kebenaran tuntutan dan sebarang perkara yang berkaitan dengannya.

Tiada tuntutan di bawah **Sijil** ini akan dibayar melainkan syarat-syarat dalam Fasal ini dipatuhi.

## 18. HAK SYARIKAT SELEPAS BERLAKUNYA KERUGIAN

Apabila berlakunya sebarang **Kerugian** atau **Kerosakan** terhadap mana-mana **Harta benda** yang dilindungi di bawah **Sijil** ini, **Syarikat** boleh

- (a) memasuki dan mengambil dan menyimpan hak milik bangunan atau **Premis** di mana **Kerugian** atau **Kerosakan** tersebut berlaku;
- (b) mengambil hak milik atau meminta untuk diserahkan kepadanya sebarang **Harta benda** **Peserta** yang berada di dalam bangunan atau di **Premis** pada masa berlakunya **Kerugian** atau **Kerosakan**;
- (c) menyimpan hak milik ke atas **Harta benda** tersebut dan memeriksa, menyusun, menyusun semula, mengalih keluar atau menguruskan **Harta benda** tersebut dengan cara lain;
- (d) menjual **Harta benda** tersebut atau melupuskannya untuk akaun sesiapa yang berkepentingan.

Kuasa-kuasa yang diberikan oleh syarat ini boleh dilaksanakan oleh **Syarikat** pada bila-bila masa sehingga **Peserta** memberikan notis bertulis bahawa beliau tidak membuat tuntutan di bawah **Sijil** ini atau, jika tuntutan dibuat, sehingga tuntutan tersebut ditentukan atau ditarik balik, dan **Syarikat** tidak akan bertanggungjawab terhadap **Peserta** atau kehilangan hak untuk bergantung kepada mana-mana syarat **Sijil** ini sebagai jawapan kepada sebarang tuntutan akibat daripada sebarang tindakan yang dilakukan semasa melaksanakan atau mendakwa melaksanakan kuasanya di bawah syarat ini.

Jika **Peserta** atau mana-mana orang yang bertindak bagi pihaknya gagal mematuhi keperluan **Syarikat** atau menghalang atau mengganggu **Syarikat** dalam melaksanakan kuasanya di bawah syarat ini, semua manfaat di bawah **Sijil** ini akan dilucutkan.

**Peserta** tidak berhak dalam apa jua keadaan untuk menyerahkan sebarang **Harta benda** kepada **Syarikat** sama ada diambil hak milik oleh **Syarikat** atau tidak.

Fasal ini tidak terpakai untuk Seksyen 3 – Liabiliti Awam.

**19. HAD WILAYAH**

Semua faedah yang diberikan di bawah **Sijil** ini adalah terpakai di dalam Malaysia, dua puluh empat (24) jam sehari kecuali dinyatakan sebaliknya.

**20. PENAMATAN SIJIL**

Perlindungan bagi Seksyen yang berkaitan di bawah **Sijil** ini akan tamat secara automatik apabila salah satu (1) daripada peristiwa berikut berlaku:

- a) apabila **Sijil** ini dibatalkan;
- b) apabila **Tempoh Takaful** tamat; atau
- c) apabila jumlah keseluruhan yang perlu dibayar oleh **Syarikat** mencapai had tahunan maksimum atau **Jumlah Perlindungan** seperti yang dinyatakan dalam **Jadual**.

Bagi peristiwa (a) di atas, **Peserta** berhak mendapat bayaran balik **Sumbangan** secara pro-rata tanpa sebarang **Sumbangan** minimum, dengan syarat tiada tuntutan dibuat di bawah **Sijil** ini. Bagi peristiwa (b) dan (c) di atas, **Peserta** tidak berhak untuk sebarang bayaran balik.

**21. BUKTI SUMBANGAN**

Pembayaran bagi **Sumbangan** tidak akan dianggap sebagai pembayaran kepada **Syarikat** melainkan resit bercetak bagi pembayaran tersebut yang ditandatangani oleh pegawai atau ejen yang dilantik oleh **Syarikat** telah diberikan kepada **Peserta**.

**22. WARANTI SUMBANGAN TAKAFUL**

Ia adalah syarat khas asas dan mutlak bagi kontrak ini bahawa **Sumbangan** yang perlu dibayar hendaklah dibayar dan diterima oleh **Syarikat** dalam tempoh enam puluh (60) hari dari tarikh permulaan **Sijil/Endorsmen/Sijil** Pembaharuan ini.

Jika syarat ini tidak dipatuhi, maka **Sijil** ini akan dibatalkan secara automatik dan **Syarikat** berhak untuk menuntut sumbangan secara pro-rata bagi tempoh mereka telah menanggung risiko.

Jika **Sumbangan** yang perlu dibayar di bawah waranti ini diterima oleh ejen yang diberi kuasa oleh **Syarikat**, pembayaran tersebut dianggap telah diterima oleh **Syarikat** bagi tujuan waranti ini. Beban untuk membuktikan bahawa **Sumbangan** tersebut diterima oleh seseorang, termasuk ejen **Takaful**, yang tidak diberi kuasa untuk menerima **Sumbangan** tersebut terletak pada **Syarikat**.

**23. FASAL PENGITRAFAN TARIKH**

Adalah diperhatikan dan dipersetujui bahawa **Sijil** ini diubah seperti berikut:

- (a) **Syarikat** tidak akan membayar bagi sebarang **Kerugian** atau **Kerosakan** termasuk **Kerugian** penggunaan sama ada dengan atau tanpa **Kerosakan** fizikal, kecederaan (termasuk kecederaan badan), perbelanjaan yang ditanggung atau sebarang **Kerugian** berbangkit yang secara langsung atau tidak langsung disebabkan oleh, berpunca daripada, atau timbul daripada kegagalan atau ketidakupayaan mana-mana komputer, peralatan pemprosesan data, media mikrochip, sistem pengendalian, mikroprosesor (cip komputer), litar bersepadu atau peranti seumpamanya, atau sebarang perisian komputer, sama ada **Harta benda Peserta** atau tidak, dan sama ada berlaku sebelum, semasa atau selepas tahun 2000, yang berpunca daripada kegagalan atau ketidakupayaan peranti dan/atau perisian tersebut untuk:
  - (i) mengenal pasti sebarang tarikh dengan betul sebagai tarikh kalender sebenar;
  - (ii) menangkap, menyimpan, atau mengekalkan, dan/atau memanipulasi, mentafsir atau memproses sebarang data atau maklumat atau arahan sebagai hasil daripada menganggap sebarang tarikh selain daripada tarikh kalender sebenar; dan/atau
  - (iii) menangkap, menyimpan, mengekalkan atau memproses data dengan betul sebagai hasil daripada pelaksanaan sebarang arahan yang diprogramkan ke dalam sebarang perisian komputer, iaitu arahan yang menyebabkan kehilangan data atau ketidakupayaan untuk menangkap, menyimpan, mengekalkan atau memproses data dengan betul pada atau selepas sebarang tarikh.
- (b) Adalah difahami bahawa **Syarikat** tidak akan membayar bagi pemberian atau pengubahaian mana-mana bahagian sistem pemprosesan data elektronik atau mana-mana bahagian peranti dan/atau perisian seperti yang disenaraikan dalam (a).
- (c) Adalah difahami bahawa **Syarikat** tidak akan membayar bagi sebarang **Kerugian** atau **Kerosakan** termasuk **Kerugian** penggunaan sama ada dengan atau tanpa **Kerosakan** fizikal, kecederaan (termasuk kecederaan badan), perbelanjaan yang ditanggung atau sebarang **Kerugian** berbangkit yang secara langsung atau tidak langsung berpunca daripada

sebarang nasihat, konsultasi, reka bentuk, penilaian, pemeriksaan, pemasangan, penyelenggaraan, pemberian atau pengawasan yang dilakukan oleh **Peserta** atau untuk **Peserta** atau oleh atau untuk pihak lain untuk menentukan, membetulkan atau menguji, sebarang kegagalan, kerosakan atau ketidakcukupan sebenar atau berpotensi seperti yang dinyatakan dalam (a) di atas.

- (d) Adalah difahami bahawa **Syarikat** tidak akan membayar bagi sebarang **Kerugian** berbangkit akibat daripada ketidakupayaan yang berterusan bagi komputer dan peralatan yang diterangkan dalam (a) di atas untuk mengenal pasti tarikh dengan betul sebagai tarikh kalender sebenar selepas **Harta benda** yang hilang atau rosak telah digantikan atau dibaiki.

**Kerugian** atau **Kerosakan**, kecederaan (termasuk kecederaan badan), perbelanjaan yang ditanggung atau sebarang **Kerugian** berbangkit yang dirujuk dalam (a), (b), (c) atau (d) di atas, dikecualikan tanpa mengira sebarang punca lain yang menyumbang secara serentak atau dalam urutan lain kepada perkara yang sama.

#### 24. FASAL PENGECUALIAN SEKATAN

**Syarikat** tidak akan dianggap menyediakan perlindungan atau bertanggungjawab untuk membayar sebarang tuntutan atau memberi sebarang manfaat di bawah **Sijil** ini setakat mana penyediaan perlindungan tersebut, pembayaran tuntutan tersebut atau pemberian manfaat tersebut akan mendedahkan **Syarikat** kepada sebarang sekatan, larangan atau sekatan di bawah resolusi Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu atau sekatan perdagangan atau ekonomi, undang-undang atau peraturan Kesatuan Eropah, United Kingdom atau Amerika Syarikat, atau mana-mana negeri atau mana-mana undang-undang dan peraturan tempatan yang terpakai.

**Syarikat** boleh menamatkan **Sijil** ini serta-merta dan selepas itu tidak lagi dikehendaki untuk menjalankan sebarang **Urusan** dengan **Peserta** berkaitan dengan **Sijil** ini, termasuk tetapi tidak terhad kepada, membuat atau menerima sebarang pembayaran di bawah **Sijil** ini.

#### 25. KEWAJIPAN PENDEDAHAN MAKLUMAT

##### Untuk Kontrak Takaful Komersial

Jika **Peserta** memohon **Takaful** ini sepenuhnya bagi tujuan yang berkaitan dengan perdagangan, **Perniagaan** atau profesion, **Peserta** mempunyai kewajipan untuk mendedahkan sebarang perkara yang diketahui oleh **Peserta** yang berkaitan dengan keputusan **Syarikat** dalam menerima risiko dan menentukan kadar serta terma yang akan dikenakan. **Peserta** juga perlu mendedahkan sebarang perkara yang sepatutnya diketahui oleh seseorang yang munasabah dalam keadaan tersebut sebagai perkara yang berkaitan. Kegagalan untuk berbuat demikian boleh menyebabkan kontrak **Takaful Peserta** terbatal, tuntutan **Peserta** ditolak atau dikurangkan, perubahan terma atau penamatan kontrak **Takaful Peserta**.

**Peserta** juga mempunyai kewajipan untuk memberitahu **Syarikat** dengan segera sekiranya pada bila-bila masa selepas kontrak **Takaful Peserta** dimasuki, diubah atau diperbaharui dengan **Syarikat**, terdapat maklumat dalam Borang Cadangan (atau semasa **Peserta** memohon **Takaful** ini) yang tidak tepat atau telah berubah.

#### 26. FASAL PENGECUALIAN RISIKO RADIOAKTIF/TENAGA NUKLEAR

**Sijil** ini tidak melindungi sebarang **Kerugian**, **Kerosakan**, kos atau perbelanjaan dalam apa jua bentuk yang secara langsung atau tidak langsung disebabkan oleh, berpunca daripada atau berkaitan dengan mana-mana perkara berikut tanpa mengira sebarang punca atau peristiwa lain yang menyumbang secara serentak atau dalam urutan lain kepada **Kerugian** tersebut:

- (a) sinaran mengion atau pencemaran oleh radioaktiviti daripada mana-mana bahan api nuklear atau daripada sebarang sisa nuklear atau daripada pembakaran bahan api nuklear;
- (b) sifat radioaktif, toksik, letupan atau berbahaya lain atau sifat pencemaran mana-mana pemasangan nuklear, reaktor atau mana-mana pemasangan atau komponen nuklear;
- (c) apa-apa senjata peperangan yang menggunakan pembelahan dan/atau pelakuran atom atau nuklear atau tindak balas lain yang seumpamanya, atau kuasa atau bahan radioaktif.

**27. HAK UNTUK MENAMATKAN AKIBAT AKTIVITI PENGGUBALAN WANG HARAM DAN PEMBIAYAAN KEGANASAN**

Sekiranya **Syarikat** mendapat atau mempunyai syak wasangka yang munasabah bahawa **Sijil** ini dieksplotasi untuk aktiviti penggubalan wang haram atau pembiayaan keganasan, **Syarikat** berhak untuk menamatkan **Sijil** ini serta-merta. **Syarikat** akan menguruskan semua sumbangan yang dibayar dan semua Manfaat atau jumlah yang perlu dibayar berkaitan dengan **Sijil** ini mengikut cara yang difikirkan sesuai, termasuk tetapi tidak terhad kepada menyerahkannya kepada pihak berkuasa yang berkenaan.

**28. FASAL PEMATUHAN HARTA BENDA SELARAS DENGAN SYARIAH**

Adalah dipersetujui dan diisyiharkan bahawa **Sijil** ini tidak akan melindungi dan tidak bertujuan untuk melindungi **Perniagaan**, **Harta benda**, bahan, stok, wang tunai atau sebarang instrumen kewangan lain (secara kolektif disebut sebagai "**Harta benda**") dan/atau sebarang liabiliti dalam apa jua bentuk, sama ada sementara atau kekal, yang timbul daripada **Harta benda** tersebut sekiranya pada bila-bila masa selepas tarikh permulaan **Sijil**, **Syarikat** mendapat bahawa **Harta benda** tersebut tidak mematuhi Syariah. Dalam keadaan sedemikian, **Syarikat** berhak untuk membatalkan **Sijil** ini dan memulangkan sebarang **Sumbangan** yang diterima berkaitan dengannya.

Fasal ini tidak terpakai bagi Seksyen 3 – Liabiliti Awam.

**29. AKTA PERLINDUNGAN DATA PERIBADI 2010 (PDPA 2010)**

**Peserta** boleh membuat pertanyaan atau permintaan untuk mengakses atau membentulkan Data Peribadi mereka atau mengehadkan pemprosesan Data Peribadi mereka pada bila-bila masa selepas ini dengan mengemukakan permintaan tersebut kepada **Syarikat** melalui emel ke [csu@takaful-malaysia.com.my](mailto:csu@takaful-malaysia.com.my). **Syarikat** akan menyimpan maklumat peribadi **Peserta** hanya untuk tempoh yang diperlukan bagi memenuhi tujuan ia dikumpulkan atau untuk mematuhi keperluan undang-undang, peraturan atau keperluan polisi dalaman.

**Peserta** secara nyata telah mengakui dan bersetuju bahawa Data Peribadi **Peserta** akan disimpan, diproses dan didedahkan oleh **Syarikat** bagi tujuan dan mengikut Notis Privasi **Syarikat** seperti yang diterbitkan di laman web **Syarikat**.

**30. FASAL PENJELASAN KEROSAKAN HARTA BENDA**

**Kerosakan Harta benda** yang dilindungi di bawah **Sijil** ini merujuk kepada **Kerosakan** fizikal terhadap bahan **Harta benda** tersebut. **Kerosakan** fizikal terhadap **Harta benda** tidak termasuk **Kerosakan** terhadap data atau perisian, terutamanya sebarang perubahan buruk pada data, perisian atau program komputer yang disebabkan oleh pemadaman, kerosakan atau perubahan struktur asal.

Oleh itu, perkara-perkara berikut dikecualikan daripada **Sijil** ini: -

- (a) **Kerugian** atau **Kerosakan** kepada data atau perisian, termasuk tetapi tidak terhad kepada sebarang perubahan buruk pada data, perisian atau program komputer yang disebabkan oleh pemadaman, kerosakan atau perubahan struktur asal, serta sebarang kerugian gangguan Perniagaan yang berpunca daripada **Kerugian** atau **Kerosakan** tersebut. Walau bagaimanapun, **Kerugian** atau **Kerosakan** kepada data atau perisian yang merupakan akibat langsung daripada **Kerosakan** fizikal terhadap bahan **Harta benda** yang dilindungi akan dilindungi.
- (b) **Kerugian** atau **Kerosakan** yang berpunca daripada kemerosotan fungsi, ketersediaan, skop penggunaan atau kebolehcapaian data, perisian atau program komputer serta sebarang kerugian gangguan Perniagaan yang berpunca daripada **Kerugian** atau **Kerosakan** tersebut.

**31. FASAL PENGECAULIAN KEGANASAN**

Adalah dipersetujui dan difahami bahawa **Syarikat** tidak akan memberi pampasan kepada **Peserta** bagi sebarang **Kerugian**, **Kerosakan**, liabiliti, kos atau perbelanjaan dalam apa jua bentuk yang secara langsung atau tidak langsung disebabkan oleh, berpunca daripada atau berkaitan dengan sebarang tindakan keganasan tanpa mengira sebarang punca atau peristiwa lain yang menyumbang secara serentak atau dalam urutan lain kepada **Kerugian** tersebut.

Bagi tujuan Fasal ini, tindakan keganasan merujuk kepada sebarang tindakan, termasuk tetapi tidak terhad kepada penggunaan kekerasan atau keganasan dan/atau ancaman mengenainya, oleh mana-mana individu atau kumpulan individu, sama ada bertindak secara bersendirian atau bagi pihak atau berkaitan dengan organisasi atau kerajaan, yang dilakukan untuk tujuan politik, agama, ideologi atau seumpamanya termasuk niat untuk mempengaruhi mana-mana kerajaan dan/atau menakutkan orang awam atau mana-mana bahagian orang awam.

Fasal ini juga mengecualikan sebarang **Kerugian, Kerosakan**, liabiliti, kos atau perbelanjaan dalam apa jua bentuk yang secara langsung atau tidak langsung disebabkan oleh, berpunca daripada atau berkaitan dengan sebarang tindakan mengawal, mencegah, menindas atau apa-apa cara lain yang berkaitan dengan sebarang tindakan keganasan.

## **SEKSYEN 1 – SEMUA RISIKO**

Dengan pertimbangan kepada **Peserta** yang dinamakan dalam **Jadual** ini membayar kepada **Syarikat Sumbangan Takaful** yang dinyatakan dalam **Jadual**, **Syarikat** akan melalui pembayaran (atau atas pilihan melalui pemberian, penggantian semula atau penggantian) memberi pampasan kepada **Peserta** jika semasa **Tempoh Takaful** berlaku sebarang **Kerugian** atau **Kerosakan** kepada **Harta benda** yang dinyatakan dalam **Jadual** akibat daripada:

- i. Kebakaran dan/atau Kilat;
- ii. Kerosakan Tidak Sengaja;
- iii. Kecurian yang disertai dengan kemasukan atau keluar secara ganas dan paksa;
- iv. Letupan;
- v. Rusuhan, Mogok & Kerosakan Berniat Jahat;
- vi. Pesawat dan Peranti Udara Lain dan/atau Objek Jatuh Daripadanya;
- vii. Gempa Bumi dan Letusan Gunung Berapi;
- viii. Ribut & Taufan;
- ix. Banjir;
- x. Kebocoran atau Limpahan Tangki Air Domestik, Peralatan atau Paip;
- xi. Kerosakan Akibat Hentaman;
- xii. Kerosakan Akibat Pokok atau Dahan Jatuh;
- xiii. Mendapan Tanah dan Gelongsoran Tanah;

semasa **Harta benda** tersebut berada di lokasi seperti yang dinyatakan dalam **Jadual**.

**Syarikat** akan membayar tertakluk kepada terma, pengecualian dan syarat yang terkandung di sini atau yang diendoskan di sini atau akan menggantikan kepada **Peserta** jumlah **Kerugian**, kemusnahan atau **Kerosakan** tersebut tetapi tidak melebihi bagi mana-mana item yang dinyatakan dalam **Jadual Jumlah Dilindungi** yang dinyatakan bertentangan dengannya masing-masing dan tidak melebihi jumlah keseluruhan sepanjang **Tempoh Takaful** atau **Jumlah Dilindungi** yang mungkin digantikan melalui **Endorsan** di sini atau yang dilampirkan yang ditandatangani oleh atau bagi pihak **Syarikat**.

## **SEKSYEN 2 – KEHILANGAN PENJIMATAN ELEKTRIK**

Dengan ini diisyiharkan dan dipersetujui bahawa **Sijil** ini dilanjutkan untuk melindungi kehilangan penjimatan elektrik yang timbul akibat kegagalan **Harta benda** yang dilindungi untuk menjana elektrik disebabkan oleh peristiwa yang dilindungi seperti yang dinyatakan di atas dalam Seksyen 1 – Semua Risiko, di bawah program Pemeteran Tenaga Bersih (*Net Energy Metering, NEM*).

Tertakluk kepada syarat-syarat berikut: -

- i) Simpanan tersebut hanya akan dibayar berkaitan dengan sebarang kerugian atau kerosakan kepada **Harta benda** yang dilindungi yang boleh dituntut di bawah Seksyen 1 **Sijil** ini dan selepas kehilangan penjimatan elektrik sebenar berlaku, tertakluk kepada tempoh ganti rugi maksimum seratus lapan puluh (180) hari.
- ii) Tempoh ganti rugi tidak boleh melebihi tempoh munasabah dan perlu yang diperlukan untuk membaiki, mengembalikan semula atau menggantikan **Harta benda** yang dilindungi.

- iii) **Syarikat** tidak akan bertanggungjawab atas sebarang kerugian melainkan gangguan untuk menjana elektrik melebihi tempoh dua puluh empat (24) jam dan liabiliti **Syarikat** di bawah Seksyen 2 ini hanya akan terpakai bagi tempoh yang melebihi dua puluh empat (24) jam tersebut.

Selain itu, difahami dan dipersetujui bahawa sekiranya berlaku sebarang kerugian atau kejadian yang memberi hak kepada tuntutan di bawah Seksyen 2 ini, kerugian akan dikira berdasarkan Perjanjian Pembelian Tenaga Boleh Diperbaharui (*Renewable Energy Power Purchase Agreement - REPPA*) yang sah dan jumlah yang perlu dibayar tidak boleh melebihi skala atau kadar yang dibenarkan oleh pihak berkuasa/ badan yang berkuasa, tertakluk kepada had jumlah yang dilindungi.

Tertakluk kepada terma, pengecualian dan syarat-syarat lain dalam **Sijil** ini.

## PENGECUALIAN YANG TERPAKAI UNTUK SEKSYEN 1 DAN 2

**Syarikat** tidak akan bertanggungjawab ke atas:

1. **Kerugian** atau **Kerosakan** yang menjadi tanggungjawab pengeluar peralatan asal, pembekal, kontraktor atau pembaik pulih sama ada menurut undang-undang atau di bawah kontrak;
2. **Kerugian** atau **Kerosakan** pada **Harta benda** yang dilindungi semasa dalam transit, termasuk proses pemuatan dan pemunggahan;
3. **Kerugian** atau **Kerosakan** akibat haus dan lusuh, penyusutan nilai, karat, pengoksidaan, kemerosotan secara beransur-ansur, kulat, ngengat, vermin atau berkaitan dengan sebarang proses pembersihan, pencelupan, pembaikan, pengembalian atau pengubahsuaian mana-mana **Harta benda** yang dilindungi;
4. **Kerugian** atau **Kerosakan** yang berpunca atau dapat dikesan kepada kerosakan mekanikal, kerosakan atau gangguan elektrik atau kerosakan mekanikal mana-mana artikel atau kerosakan komponen elektronik mana-mana bahagian **Harta benda** yang dilindungi;
5. **Kerugian** atau **Kerosakan** pada pembawa data komputer atau media penyimpanan dan perisian komputer;
6. **Kerugian** atau **Kerosakan** akibat calar atau kemek pada mana-mana artikel atau keretakan dan/atau pecahan kaca, lensa, barang porselin, barang tembikar, marmar, rekod gramofon, pita rakaman, cakera padat, cakera laser dan/atau barang rapuh lain, kecuali yang disebabkan oleh pecah rumah, kecurian dan/atau kebakaran;
7. **Kerugian** atau **Kerosakan** pada surat ikatan, bon, bil pertukaran, nota janji hutang, cek, wang, pingat, syiling, setem atau dokumen lain yang bernilai;
8. **Kerugian** atau **Kerosakan** akibat pengenaan keadaan yang tidak normal, secara langsung atau tidak langsung berpunca daripada bebanan berlebihan atau tekanan secara sengaja, ujian atau eksperimen;
9. **Kerugian** akibat kelewatan atau **Kerugian** pasaran atau sebarang **Kerugian** atau **Kerosakan** susulan;
10. **Kerugian** atau **Kerosakan** pada **Harta benda** yang dilindungi yang berlaku di luar Had Wilayah yang dinyatakan dalam **Jadual**;
11. **Kerugian** atau **Kerosakan** pada kenderaan berkuasa mekanikal atau kenderaan air;
12. **Kerugian** atau **Kerosakan** pada mana-mana bahagian **Harta benda** akibat penyalaan sendiri, gangguan elektrik atau terbakar;
13. **Kerugian** atau **Kerosakan** pada rekod, filem atau pita rakaman;
14. **Kerugian** atau **Kerosakan** secara langsung atau tidak langsung, secara proksimal atau jauh yang disebabkan oleh atau berkaitan dengan mana-mana kejadian berikut:
  - (a) peperangan, pencerobohan, tindakan musuh asing, permusuhan atau operasi perang (sama ada perang diisyiharkan atau tidak) atau perang saudara;

- (b) rusuhan, mogok, kekacauan awam, kebangkitan tentera atau rakyat, pemberontakan, revolusi, kuasa tentera atau kuasa rampasan kuasa, undang-undang tentera atau keadaan darurat atau sebarang peristiwa atau sebab yang menyebabkan pengisytiharan atau penyelenggaraan undang-undang tentera atau keadaan darurat;
- (c) sebarang tindakan oleh mana-mana individu atau organisasi yang bertujuan untuk menggulingkan Kerajaan secara paksa atau mempengaruhi Kerajaan melalui keganasan atau rampasan, atau penjarahan berkaitan dengan kejadian-kejadian tersebut;
- (d) kelewatan, penyitaan, perampasan atau penahanan oleh Pihak Berkuasa Kerajaan, atau oleh sebarang akibat langsung atau tidak langsung daripada mana-mana kejadian yang dinyatakan dan sekiranya berlaku sebarang tuntutan di bawah ini, **Peserta** hendaklah membuktikan bahawa **Kerugian** atau **Kerosakan** tersebut timbul secara bebas dan tidak berkaitan, tidak disebabkan oleh, tidak disumbangkan oleh, atau tidak dapat dikesan kepada mana-mana kejadian tersebut atau sebarang akibat daripadanya.

Sekiranya tiada bukti sedemikian, **Syarikat** tidak akan bertanggungjawab untuk membuat sebarang bayaran berkaitan tuntutan tersebut.

15. (a) **Kerugian** atau **Kerosakan** yang berpunca secara langsung atau tidak langsung akibat daripada sinaran pengionan atau pencemaran radioaktif daripada sebarang bahan api nuklear atau daripada sebarang sisa nuklear yang berpunca daripada pembakaran bahan api nuklear. Untuk tujuan pengecualian ini, pembakaran hendaklah merangkumi sebarang proses pembelahan nuklear yang berterusan dengan sendirinya.
- (b) **Kerugian** atau **Kerosakan** secara langsung atau tidak langsung yang disebabkan oleh atau berpunca daripada bahan senjata nuklear.
16. Sebarang **Kerugian** atau **Kerosakan** yang disebabkan oleh atau dikaitkan dengan perbuatan menipu oleh mana-mana individu seperti yang ditakrifkan dalam Kanun Keseksyen. Penipuan seperti yang ditakrifkan dalam Kanun Keseksyen adalah "Sesiapa yang, dengan memperdaya mana-mana orang, secara penipuan atau tidak jujur mendorong orang yang diperdayakan tersebut untuk menyerahkan apa-apa **Harta benda** kepada mana-mana pihak atau untuk bersetuju bahawa mana-mana pihak akan menyimpan **Harta benda** tersebut, atau secara sengaja mendorong orang yang diperdayakan tersebut untuk melakukan atau tidak melakukan sesuatu yang tidak akan dilakukannya jika dia tidak diperdayakan, dan perbuatan atau peninggalan tersebut menyebabkan atau berkemungkinan menyebabkan **Kerosakan** atau bahaya kepada tubuh badan, fikiran, reputasi atau **Harta benda** orang tersebut, maka dia dikatakan melakukan 'Penipuan'."
17. Sebarang **Kerugian** atau **Kerosakan** yang disebabkan oleh atau dikaitkan dengan perbuatan pecah amanah jenayah oleh mana-mana individu seperti yang ditakrifkan dalam Kanun Keseksyen. Pecah Amanah Jenayah seperti yang ditakrifkan dalam Kanun Keseksyen adalah: "Sesiapa sahaja yang dalam apa-apa cara diberikan kepercayaan ke atas **Harta benda** atau memiliki dominasi terhadap **Harta benda** tersebut, secara tidak jujur menyalahgunakan atau menukar **Harta benda** tersebut untuk kegunaannya sendiri, atau secara tidak jujur menggunakan atau melupuskan **Harta benda** tersebut dengan melanggar sebarang arahan undang-undang yang menetapkan cara amanah tersebut dilaksanakan atau mana-mana kontrak sah, sama ada secara nyata atau tersirat, yang telah dibuat berkaitan pelaksanaan amanah tersebut, atau dengan sengaja membenarkan mana-mana orang lain untuk melakukannya, telah melakukan Pecah Amanah Jenayah."
18. Sebarang kejadian lain yang dilarang oleh prinsip Syariah.

## **FASAL YANG BERKAITAN UNTUK SEKSYEN 1 DAN 2**

### **1. FASAL PENGUBAHSUAIAN DAN PEMBAIKAN**

**Harta benda** yang berada di bawah kawalan atau jagaan **Peserta** tidak akan dianggap termasuk **Premis** yang bukan dimiliki atau disewa oleh **Peserta** tetapi diduduki sementara oleh **Peserta** untuk tujuan pengubahsuaihan, pembaikan atau hiasan di dalam atau di premis tersebut.

Tertakluk kepada terma dan syarat **Sijil**

## 2. FASAL PENILAIAN

Jika jumlah tuntutan bagi mana-mana **Kerugian** tidak melebihi Ringgit Malaysia Lima Ribu (RM5,000) atau lima peratus (5%) daripada **Jumlah Dilindungi**, mana-mana yang lebih rendah bagi item atau item yang terjejas, maka inventori khas atau penilaian **Harta benda** yang tidak rosak tidak diperlukan.

Tertakluk kepada terma dan syarat **Sijil**.

## 3. FASAL ROMPAKAN BERSENJATA DAN/ATAU SERBUAN

Walau apa pun yang terkandung di dalamnya disebaliknya, adalah dengan ini diisyiharkan dan dipersetujui bahawa perlindungan **Takaful** yang disediakan oleh **Sijil** ini dilanjutkan untuk merangkumi **Kerugian** akibat "Serbuan dan Rompakan Bersenjata" (iaitu kecurian yang disertai dengan keganasan atau ancaman keganasan oleh sesiapa selain daripada pekerja **Peserta**) yang dilakukan di dalam **Premis Peserta**.

Tertakluk kepada terma dan syarat **Sijil**.

## 4. PERLINDUNGAN UNTUK KERUGIAN ATAU KEROSAKAN AKIBAT PEMOGOKAN, RUSUHAN DAN GEJALA SIVIL (STRIKE, RIOT AND CIVIL COMMOTION - SRCC)

Adalah dipersetujui dan difahami bahawa, kecuali tertakluk kepada syarat, pengecualian, peruntukan dan terma yang terkandung dalam **Sijil** ini atau yang ditambah pada **Sijil** ini, dan tertakluk kepada **Sumbangan** yang telah dibayar oleh **Peserta**, **Sijil** ini akan diperluaskan untuk meliputi **Kerugian** atau **Kerosakan** yang disebabkan oleh pemogokan, rusuhan dan gejala sivil yang untuk tujuan **Endorsmen** ini akan bermaksud (tertakluk kepada Syarat Khas yang dinyatakan di bawah) **Kerugian** atau **Kerosakan** pada **Harta benda** yang dilindungi yang disebabkan secara langsung oleh:

- tindakan mana-mana orang yang mengambil bahagian bersama-sama orang lain dalam sebarang gangguan kepada keamanan awam (sama ada berkaitan dengan pemogokan atau penutupan kerja atau tidak), tidak termasuk kejadian yang dinyatakan dalam Syarat 2 dalam Syarat Khas di bawah;
- tindakan mana-mana pihak berkuasa yang sah dalam menindas atau mencuba untuk menindas gangguan tersebut atau dalam mengurangkan kesan gangguan tersebut;
- tindakan sengaja mana-mana pemogok atau pekerja yang ditutup kerjanya yang dilakukan untuk memajukan pemogokan atau dalam menentang penutupan kerja;
- tindakan mana-mana pihak berkuasa yang sah dalam mencegah atau mencuba untuk mencegah tindakan sedemikian atau dalam mengurangkan kesan tindakan tersebut.

Dengan syarat bahawa ia selanjutnya dengan ini secara jelas dipersetujui dan dinyatakan bahawa:

- semua terma, pengecualian, peruntukan dan syarat dalam **Sijil** akan terpakai sepenuhnya kepada perlindungan yang diberikan oleh perluasan ini, kecuali dalam perkara-perkara yang secara jelas diubah oleh Syarat Khas berikut, dan mana-mana rujukan kepada **Kerugian** atau **Kerosakan** dalam teks **Sijil** hendaklah dianggap merangkumi peril yang dilindungi oleh perlindungan ini;
- Syarat Khas berikut hanya akan terpakai kepada perlindungan yang diberikan oleh perluasan ini, dan teks **Sijil** akan terpakai sepenuhnya kepada perlindungan yang diberikan oleh **Sijil** seolah-olah **Endorsmen** ini tidak dibuat.

Syarat Khas:

- Takaful** ini tidak akan meliputi:
  - Kerugian** atau **Kerosakan** akibat pemberhentian seluruh atau sebahagian kerja atau perencatan atau gangguan atau pemberhentian sebarang proses atau operasi,
  - Kerugian** atau **Kerosakan** disebabkan oleh pengambilalihan kekal atau sementara akibat rampasan, penyitaan atau tuntutan oleh mana-mana pihak berkuasa yang sah,
  - Kerugian** atau **Kerosakan** disebabkan oleh pengambilalihan kekal atau sementara mana-mana bangunan akibat daripada pendudukan bangunan secara haram oleh mana-mana orang,
  - Kerugian** turutan atau apa-apa jenis liabiliti atau perihalan, apa-apa bayaran dan atas ganti rugi untuk **Kerosakan** material seperti yang diperuntukkan di sini.

Dengan syarat walau bagaimanapun, untuk (ii) atau (iii) di atas, **Syarikat** tidak akan dilepaskan terhadap sebarang liabiliti kepada **Peserta** berhubung dengan **Kerosakan** fizikal kepada **Harta benda** yang dilindungi yang berlaku sebelum atau semasa pemilikan semula sementara.

- (b) **Takaful** ini tidak akan meliputi sebarang **Kerugian** atau **Kerosakan** yang timbul oleh atau melalui atau berhubung secara langsung atau tidak langsung dengan mana-mana kejadian berikut, iaitu:
- i. peperangan, pencerobohan, tindakan musuh asing, operasi perang atau operasi yang menyerupai perang (sama ada perang diisytiharkan atau tidak), perang saudara;
  - ii. pemberontakan, gejolak sivil yang menjadi peningkatan atau berjumlah kepada kebangkitan popular, kebangkitan tentera, pemberontakan, revolusi, kuasa tentera atau kuasa yang dirampas;
  - iii. sebarang tindakan mana-mana individu yang bertindak bagi pihak atau berhubung dengan mana-mana organisasi yang aktiviti-aktivitinya bertujuan untuk menggulingkan kerajaan de jure atau de facto dengan kekerasan atau mempengaruhi kerajaan tersebut melalui keganasan.

Dalam mana-mana tindakan, saman atau prosiding lain, di mana **Syarikat** menegaskan bahawa disebabkan oleh peruntukan syarat ini, mana-mana **Kerugian** atau **Kerosakan** tidak dilindungi oleh **Endorsmen** ini, beban bukti bahawa **Kerugian** atau **Kerosakan** tersebut dilindungi adalah terletak pada **Peserta**.

- (c) **Takaful** ini boleh pada bila-bila masa dibatalkan oleh **Syarikat** dengan memberi notis mengenai perkara tersebut melalui pos berdaftar ke alamat terakhir **Peserta** yang diketahui, dalam hal ini **Syarikat** akan bertanggungjawab untuk membayar bahagian **Sumbangan** yang belum digunakan bagi tempoh yang belum tamat dari tarikh pembatalan.

Tertakluk kepada terma dan syarat dalam **Sijil**.

## 5. PENGECUALIAN PENYAKIT BERJANGKIT

- 5.1 Walaupun terdapat sebarang peruntukan, Fasal atau terma yang berlawanan dalam **Sijil** ini dan/atau sebarang **Endorsmen** yang dilampirkan, **Sijil** ini mengecualikan sebarang **Kerugian**, **Kerosakan**, liabiliti, tuntutan, kos, perbelanjaan atau jumlah lain dalam apa jua bentuk, sama ada secara langsung atau tidak langsung disebabkan oleh Penyakit Berjangkit atau ketakutan atau ancaman (sama ada sebenar atau yang dianggap) Penyakit Berjangkit tanpa mengira sebarang sebab atau kejadian lain yang menyumbang secara serentak atau dalam urutan lain.
- 5.2 Seperti yang digunakan disini:
- 5.2.1 "Penyakit Berjangkit" bermaksud sebarang penyakit berjangkit, berkomunikasi atau mudah berjangkit, atau sebarang mutasi atau variasi daripadanya, yang boleh ditularkan melalui sebarang bahan atau agen dari satu organisme ke organisme lain termasuk, tetapi tidak terhad kepada, di mana:
- 5.2.1.1 bahan atau agen tersebut termasuk, tetapi tidak terhad kepada, virus, bakteria, parasit, organisma atau patogen lain atau sebarang variasi daripadanya, sama ada dianggap hidup atau tidak; dan
- 5.2.1.2 kaedah penularan, sama ada secara langsung atau tidak langsung, termasuk tetapi tidak terhad kepada, penularan melalui udara, cecair badan, penularan dari atau kepada sebarang permukaan atau objek, pepejal, cecair atau gas atau antara organisme.
- 5.2.2 "disebabkan oleh" bermaksud berkaitan dengan; berhubung dengan; timbul daripada; berpunca daripada; sebagai hasil daripada; disebabkan oleh; sebagai akibat daripada; boleh dikaitkan dengan; disumbangkan oleh; disebabkan oleh; melibatkan; dan mana-mana terma lain yang lazim digunakan dan/atau difahami untuk mencerminkan atau menggambarkan hubungan dan/atau kaitan antara satu perkara dengan perkara lain sama ada secara langsung atau tidak langsung.

Tertakluk kepada terma dan syarat **Sijil**.

## 6. FASAL PENENTUAN

Bagi tujuan untuk menentukan jika perlu item (tajuk lajur) di mana sesuatu **Harta benda** dilindungi, **Syarikat** bersetuju untuk menerima penentuan di bawah mana **Harta benda** tersebut telah direkodkan dalam buku akaun **Peserta**.

Tertakluk kepada terma dan syarat **Sijil**.

## 7. FASAL PEMINDAHAN DALAMAN

Adalah difahami dan dipersetujui bahawa sekiranya berlaku pemindahan **Harta benda** daripada satu bangunan ke bangunan lain di mana-mana lokasi yang dinyatakan di atas yang secara tidak sengaja tidak dimaklumkan kepada **Syarikat**, perlindungan **Takaful** bagi **Harta benda** tersebut akan mengikuti pemindahan tersebut, pelarasan yang diperlukan dalam **Jumlah Dilindungi** dan **Sumbangan Takaful** akan dibuat bermula dari tarikh pemindahan sebaik sahaja kecuaian tersebut disedari.

Tertakluk kepada terma dan syarat **Sijil**.

## 8. FASAL MEMUAT DAN MEMUNGGAH

Dengan ini diisyiharkan dan dipersetujui bahawa **Sijil** ini dilanjutkan untuk melindungi **Kerugian** atau **Kerosakan** terhadap **Harta benda** yang dilindungi yang disebabkan atau timbul di luar had mana-mana jalan raya atau laluan yang berkaitan dengan proses membawa muatan ke kenderaan untuk dimuatkan ke atasnya atau mengambil muatan daripada kenderaan selepas dipunggah daripadanya.

Tertakluk kepada terma dan syarat **Sijil**.

## 9. FASAL PEMINDAHAN SEMENTARA

**Harta benda** yang dilindungi di bawah **Sijil** ini dilindungi (terhad kepada sepuluh peratus (10%) daripada **Jumlah Dilindungi**) semasa dipindahkan secara sementara untuk tujuan pembersihan, pengubahsuaian, pengubahsuaian, pemberian atau tujuan serupa di tempat lain di premis yang sama atau ke mana-mana **Premis** lain dan semasa transit ke dan dari premis tersebut melalui jalan raya, kereta api atau laluan air daratan, di Republik Singapura atau Malaysia. Jumlah yang boleh dituntut di bawah lanjutan ini berkaitan dengan **Harta benda** yang dipindahkan tersebut tidak akan melebihi jumlah yang sepatutnya boleh dituntut sekiranya **Kerugian** berlaku di bahagian **Premis** dari mana **Harta benda** tersebut dipindahkan sementara.

Lanjutan ini tidak terpakai kepada **Harta benda** jika dan setakat ia dilindungi di tempat lain, begitu juga tidak terpakai kepada item yang merangkumi stok dan barang dagangan dalam apa jua bentuk, dan juga tidak terpakai bagi kerugian yang berlaku di tempat selain daripada **Premis** dari mana **Harta benda** tersebut dipindahkan sementara, untuk:

- (a) Kenderaan Motor dan Casis Motor;
- (b) **Harta benda** (selain daripada mesin dan loji) yang dipegang oleh **Peserta** sebagai amanah.

Tertakluk kepada terma dan syarat **Sijil** ini.

## 10. FASAL BAYARAN ATAS AKAUN

Adalah difahami dan dipersetujui bahawa sekiranya berlaku **Kerugian** di bawah perlindungan **Takaful** ini, **Syarikat** akan membuat bayaran atas akaun berkenaan **Kerugian** tersebut kepada **Peserta** sekiranya dikehendaki.

Tertakluk kepada terma dan syarat **Sijil** ini.

## 11. FASAL NILAI PEMULIHAN (untuk mesin dan peralatan sehingga 5 tahun)

Sekiranya **Harta benda** yang dilindungi di bawah **Sijil** ini musnah atau rosak, asas pengiraan jumlah bayaran di bawah **Sijil** ini adalah kos menggantikan atau memulihkan di tapak yang sama **Harta benda** yang sama jenis atau kategori tetapi tidak lebih tinggi atau lebih luas daripada **Harta benda** yang dilindungi ketika baru, tertakluk kepada Peruntukan Khas berikut dan juga terma dan syarat **Sijil** ini kecuali setakat mana ia diubah melalui Fasal ini.

### PERUNTUKAN KHAS

- (a) Kerja penggantian atau pemulihan (yang boleh dilakukan di tapak lain dan mengikut cara yang sesuai dengan keperluan **Peserta** tertakluk kepada liabiliti **Syarikat** tidak meningkat akibatnya) mesti dimulakan dan dilaksanakan dengan segera dan dalam apa jua keadaan mesti disiapkan dalam tempoh dua belas (12) bulan selepas **Kemusnahan** atau **Kerosakan**, atau dalam tempoh lanjutan yang dibenarkan secara bertulis oleh **Syarikat** (dalam tempoh dua belas (12) bulan tersebut). Jika tidak, tiada bayaran yang melebihi jumlah yang akan dibayar di bawah **Sijil** ini sekiranya memorandum ini tidak dimasukkan akan dibuat.
- (b) Sehingga perbelanjaan untuk menggantikan atau memulihkan **Harta benda** yang musnah atau rosak telah ditanggung oleh **Peserta**, **Syarikat** tidak akan bertanggungjawab untuk sebarang bayaran **Lebihan** jumlah yang akan dibayar di bawah **Sijil** ini sekiranya memorandum ini tidak dimasukkan.
- (c) Jika pada masa penggantian atau pemulihan, jumlah kos yang sepatutnya ditanggung untuk penggantian atau pemulihan jika keseluruhan **Harta benda** yang dilindungi musnah melebihi **Jumlah Dilindungi** pada permulaan sebarang kemusnahan atau kerosakan terhadap **Harta benda** tersebut oleh sebarang risiko yang dilindungi oleh **Sijil** ini, maka **Peserta** akan dianggap menanggung risikonya sendiri untuk perbezaan tersebut dan akan menanggung bahagian kerugian yang berkadar. Setiap item **Sijil** (jika lebih daripada satu) yang terpakai di bawah memorandum ini akan tertakluk secara berasingan kepada peruntukan tersebut.
- (d) Memorandum ini tidak akan berkuat kuasa sekiranya:
  - i. **Peserta** gagal memaklumkan kepada **Syarikat** dalam tempoh enam (6) bulan dari tarikh kemusnahan atau **Kerosakan**, atau tempoh lanjutan yang dibenarkan secara bertulis oleh **Syarikat**, tentang hasratnya untuk menggantikan atau memulihkan **Harta benda** yang musnah atau rosak.
  - ii. **Peserta** tidak mampu atau tidak berhasrat untuk menggantikan atau memulihkan **Harta benda** yang musnah atau rosak di tapak yang sama atau tapak lain.
- (e) Tiada bayaran yang melebihi jumlah yang akan dibayar di bawah **Sijil** ini jika memorandum ini tidak dimasukkan akan dibuat sekiranya pada masa kemusnahan atau **Kerosakan** terhadap **Harta benda** yang dilindungi di bawah **Sijil** ini, **Harta benda** tersebut turut dilindungi oleh sebarang **Takaful**/insurans lain yang diambil oleh atau bagi pihak **Peserta** yang tidak berdasarkan asas pemulihan yang dinyatakan di sini.
- (f) Memorandum ini hanya terpakai untuk **Harta benda** yang dilindungi yang berusia kurang daripada 5 tahun sahaja. Nilai Pasaran akan digunakan untuk **Harta benda** yang berusia lebih daripada 5 tahun melainkan dinyatakan sebaliknya dalam **Jadual**.

Tertakluk kepada terma dan syarat **Sijil**.

## 12. FASAL PENERIMA GADAI JANJI (PEMEGANG GADAIAN)

**Kerugian**, jika ada, yang perlu dibayar kepada firma yang dinyatakan dalam **Jadual** sebagai Penerima Gadai Janji (Pemegang Gadaian) seperti yang dinyatakan dalam **Sijil** ini, setakat kepentingan Penerima Gadai Janji (Pemegang Gadaian) sahaja, tidak akan menjadi tidak sah akibat sebarang tindakan atau kecuaian Pemegang Gadaian (Pemberi Cagarang) atau Pemilik **Harta benda** yang dinyatakan di dalamnya, atau sebarang penyitaan atau prosiding lain atau notis penjualan berkaitan **Harta benda** tersebut atau oleh sebab penggunaan **Premis** untuk tujuan yang lebih berisiko daripada yang dibenarkan oleh **Sijil** ini, atau oleh sebab ketidakpenghunian premis tersebut, atau sebarang peningkatan risiko yang berlaku terhadap

**Harta benda** yang dilindungi di bawah **Sijil** ini. Dengan syarat bahawa sekiranya Pemegang Gadaian (Pemberi Cagarang) atau Pemilik gagal membayar sebarang **Sumbangan** yang perlu dibayar di bawah **Sijil** ini, Penerima Gadai Janji (Pemegang Gadaian) hendaklah membayarnya atas permintaan.

Dengan syarat juga bahawa Penerima Gadai Janji (Pemegang Gadaian) hendaklah memaklumkan kepada **Syarikat** tentang sebarang ketidakpenghunian, perubahan pemilikan atau penghunian, atau peningkatan risiko yang diketahui oleh Penerima Gadai Janji (Pemegang Gadaian) tersebut dan kecuali jika dibenarkan oleh **Sijil** ini, ia hendaklah dicatatkan di dalamnya dan Penerima Gadai Janji (Pemegang Gadaian) hendaklah atas permintaan membayar **Sumbangan** untuk risiko yang meningkat tersebut bagi tempoh berkenaan, jika tidak, **Sijil** ini akan menjadi tidak sah. Dan selanjutnya dipersetujui bahawa apabila **Syarikat** membayar Penerima Gadai Janji (Pemegang Gadaian) apa-apa jumlah berkenaan **Kerugian** atau **Kerosakan** di bawah **Sijil** ini dan mendakwa bahawa berkenaan dengan Pemegang Gadaian (Pemberi Cagarang) atau Pemilik tiada liabiliti untuk itu, **Syarikat** akan secara sah berhak untuk mengambil alih semua hak Penerima Gadai Janji (Pemegang Gadaian) tersebut setakat jumlah yang dibayar tetapi tidak sehingga menjaskan hak Penerima Gadai Janji (Pemegang Gadaian) untuk menuntut jumlah penuh daripada Pemegang Gadaian (Pemberi Cagarang) atau Pemilik atau daripada pihak lain yang dilindungi atau daripada mana-mana sekuriti atau dana yang tersedia.

Dan selanjutnya dipersetujui bahawa pembatalan **Sijil** ini tidak boleh dilakukan oleh **Peserta** kecuali selepas pemberitahuan terdahulu kepada Penerima Gadai Janji (Pemegang Gadaian) secara bertulis dengan memberikan notis empat belas (14) hari ke alamat terakhir yang diketahui oleh Penerima Gadai Janji (Pemegang Gadaian).

Tertakluk kepada terma dan syarat **Sijil** ini.

## SEKSYEN 3 – LIABILITI AWAM

**Syarikat** akan memberi pampasan kepada **Peserta** terhadap:

1. Semua jumlah yang **Peserta** secara sah bertanggungjawab untuk membayar sebagai ganti rugi atau pampasan berkenaan dengan:
  - a) Kecederaan badan atau penyakit kepada mana-mana pihak ketiga; dan/atau
  - b) **Kerugian** atau **Kerosakan** terhadap **Harta benda** pihak ketiga;

yang berlaku dalam Had Wilayah semasa **Tempoh Takaful** yang berkaitan dengan **Perniagaan Peserta**.

2. Semua kos dan perbelanjaan litigasi:
    - a) yang dituntut oleh mana-mana penuntut terhadap **Peserta**; dan/atau
    - b) yang ditanggung dengan persetujuan bertulis daripada **Syarikat**;
- berkaitan dengan tuntutan terhadap **Peserta** bagi ganti rugi atau pampasan yang berlaku semasa **Tempoh Takaful** yang berkaitan dengan **Perniagaan Peserta**.

Dengan syarat bahawa jumlah keseluruhan yang perlu dibayar oleh **Syarikat** di bawah A dan B tidak akan melebihi jumlah yang dinyatakan dalam **Jadual** semasa **Tempoh Takaful**.

Bagi tujuan manfaat ini:

"Kecederaan badan" bermaksud kecederaan, penyakit atau penyakit termasuk kematian yang berlaku secara tidak sengaja kepada mana-mana orang akibat daripada operasi **Peserta**.

"Kerugian atau Kerosakan terhadap Harta benda" bermaksud kemusnahan fizikal atau Kerugian Harta benda ketara termasuk semua Kerugian penggunaan Harta benda tersebut yang terhasil.

## PENGECUALIAN KHAS UNTUK SEKSYEN 3

**Syarikat** tidak akan memberi pampasan kepada **Peserta** berkenaan:

1. Liabiliti berkenaan kecederaan badan atau **Kerosakan Harta benda** yang timbul daripada ketidakpatuhan yang disengajakan, sengaja atau berniat terhadap mana-mana peruntukan undang-undang atau pengabaian terhadap arahan teknikal atau pentadbiran **Peserta** berkaitan keselamatan dan pencegahan kemalangan.
2. Arahan pengurusan berkaitan keselamatan dan pencegahan kemalangan.
3. Liabiliti secara langsung atau tidak langsung yang disebabkan oleh atau melalui atau akibat daripada peperangan, pencerobohan, tindakan musuh asing, permusuhan (sama ada peperangan diisyiharkan atau tidak), perang saudara, tindakan keganasan, pemberontakan, revolusi, pemberontakan bersenjata, kuasa tentera atau rampasan kuasa, rusuhan, mogok, penguncian, kebangkitan awam, undang-undang tentera atau rompakan, penjarahan atau kecurian yang berkaitan dengannya, rampasan atau pemusnahan oleh mana-mana kerajaan atau pihak berkuasa awam atau sebarang tindakan atau keadaan yang berkaitan dengan perkara di atas.
4. Liabiliti berkenaan kecederaan badan atau **Kerosakan Harta benda** yang timbul akibat gempa bumi, gegaran bumi, letusan gunung berapi, banjir, ribut, taufan, puting beliung, siklon atau kejadian alam semula jadi dan gangguan atmosfera yang serupa.
5. Liabiliti dalam apa jua bentuk yang secara langsung atau tidak langsung disebabkan oleh atau disumbangkan oleh atau timbul daripada:
  - (i) Sinaran pengionan atau pencemaran oleh radioaktiviti daripada sebarang bahan api nuklear atau daripada sebarang sisa nuklear daripada pembakaran bahan api nuklear;
  - (ii) Sifat radioaktif, toksik, letupan atau berbahaya lain bagi mana-mana pemasangan nuklear atau mana-mana komponen nuklear;
  - (iii) Mana-mana reaktor nuklear, stesen tenaga nuklear atau loji, Premis atau kemudahan yang berkaitan dengan pengeluaran tenaga nuklear atau pengeluaran, atau penyimpanan atau pengendalian bahan api nuklear atau sisa nuklear; atau
  - (iv) Mana-mana **Premis** atau kemudahan yang layak untuk **Takaful** oleh mana-mana kumpulan atau persatuan nuklear tempatan.
6. Kecederaan badan atau **Kerosakan Harta benda** yang mana **Peserta** diwajibkan membayar pampasan kerana mengambil tanggungjawab dalam kontrak atau perjanjian yang mana liabiliti tersebut tidak akan timbul tanpa adanya kontrak atau perjanjian tersebut.
7. Kecederaan badan kepada seorang pekerja **Peserta** atau individu lain di bawah kontrak perkhidmatan atau latihan dengan **Peserta** yang timbul daripada dan semasa menjalankan hubungan dengan **Peserta** atau keluarga **Peserta** sendiri. Pengecualian ini terpakai sama ada **Peserta** mungkin bertanggungjawab sebagai majikan atau dalam apa jua kapasiti lain dan kepada sebarang kewajipan untuk berkongsi pampasan yang timbul daripada kecederaan tersebut.

8. Kecederaan badan atau **Kerosakan Harta benda** yang disebabkan oleh atau berkaitan dengan atau timbul daripada pemilikan, memiliki atau penggunaan oleh atau bagi pihak **Peserta** bagi mana-mana treler atau kenderaan bermotor yang mana **Takaful/insurans liabiliti kenderaan bermotor wajib diambil**. Walau bagaimanapun, pengecualian ini tidak terpakai kepada liabiliti berkenaan dengan pemuatan, pemunggahan atau pengumpulan barang ke atau dari treler atau kenderaan bermotor tersebut di luar had mana-mana jalan raya atau laluan umum.
9. Kecederaan kepada mana-mana Pekerja atau sebarang tuntutan yang timbul di bawah mana-mana Undang-Undang Pampasan Pekerja.
10. Liabiliti berkenaan Kecederaan Badan atau **Kerosakan Harta benda** yang timbul daripada pemilikan, penyelenggaraan, penggunaan, operasi, pemuatan, pemunggahan atau penyerahan kepada pihak lain mana-mana pesawat udara atau kapal air yang dimiliki, dikendalikan, disewa atau dipinjamkan kepada **Peserta**.
11. Liabiliti berkenaan kecederaan badan atau **Kerosakan Harta benda** yang timbul daripada pengangkutan bahan dan/atau bahan berbahaya/beracun/berbahaya di luar **Premis Peserta**.
12. Liabiliti berkenaan Kecederaan Badan atau **Kerosakan Harta benda** yang timbul daripada pemberian atau kegagalan untuk memberikan sebarang perkhidmatan bersifat profesional, termasuk tetapi tidak terhad kepada, pemberian atau kegagalan untuk memberikan:
  - (i) perubatan, pembedahan, pergigian, x-ray atau kejururawatan atau penyediaan makanan atau minuman berkaitan dengannya;
  - (ii) sebarang perkhidmatan atau rawatan yang bertujuan untuk kesihatan;
  - (iii) penyediaan atau pembekalan ubat-ubatan atau bekalan atau peralatan perubatan, pergigian atau pembedahan;
  - (iv) perkhidmatan profesional oleh arkitek, jurutera, akauntan, juruukur, peguam, ejen atau broker Takaful/insurans; atau
  - (v) perkhidmatan pemprosesan data.
13. Liabiliti berkenaan Kecederaan Badan atau **Kerosakan Harta benda** yang timbul daripada pelepasan, penyebaran, pembebasan, resapan atau pelepasan bahan pencemaran yang sebenar, didakwa atau diancam, atau sebarang kerugian, kos atau perbelanjaan yang timbul daripada sebarang arahan atau permintaan, sama ada oleh kerajaan atau pihak lain, supaya Peserta menilai, menguji, memantau, membersihkan, mengeluarkan, mengawal, mengandungi, merawat, menyahtoksi atau meneutralalkan bahan pencemar.
14. Liabiliti berkenaan kecederaan badan atau **Kerosakan Harta benda** yang timbul daripada asbestos dalam apa jua bentuk atau kuantiti, diethylstilbestrol, dioxin, alat intrauterin, pil perancang, vaksin selsema babi, tembakau atau produk tembakau, urea formaldehid, atau sebarang liabiliti akibat kesan sindrom kekurangan imuniti diperoleh (AIDS) atau Hepatitis B.
15. Sebarang liabiliti yang timbul daripada **Kerugian** bersifat kewangan semata-mata seperti **Kerugian** terhadap nama baik atau **Kerugian** pasaran.
16. Sebarang liabiliti yang timbul daripada kecederaan peribadi seperti fitnah, tohmaham, pencemaran nama baik, penahanan palsu, pengusiran salah, penahanan salah, sebarang kecederaan mental, penderitaan atau kejutan yang berpunca daripadanya.
17. Sebarang liabiliti yang timbul daripada pelanggaran rancangan, hak cipta, paten, nama dagangan, tanda dagangan, reka bentuk berdaftar.
18. Sebarang liabiliti berkenaan denda, penalti, ganti rugi punitif, ganti rugi teladan, ganti rugi tiga kali ganda atau sebarang ganti rugi lain yang terhasil daripada penggandaan ganti rugi pampasan.
19. Sebarang liabiliti yang timbul daripada Produk yang dijual atau dibekalkan kecuali makanan dan minuman yang dibekalkan oleh **Peserta** di kantin serta kelab sukan dan sosial yang disediakan oleh **Peserta** untuk kegunaan Pekerja.

20. **Kerosakan Harta benda** kepada:
- sebarang struktur atau tanah yang disebabkan atau didakwa disebabkan oleh getaran atau penarikan balik atau kelemahan sokongan.
  - Harta benda** yang dimiliki, disewa, dipajak atau diduduki oleh **Peserta**.
  - Harta benda** yang dipegang dalam amanah oleh atau di bawah jagaan atau kawalan **Peserta** selain daripada **Premis** di mana **Peserta** sedang menjalankan kerja berkaitan dengan **Perniagaan**.
  - Bahagian mana-mana **Harta benda** yang sedang dikerjakan oleh **Peserta** atau mana-mana orang yang bertindak bagi pihak **Peserta** yang timbul daripada kerja tersebut.

Sebarang liabiliti kontraktor dan/atau sub-kontraktor dan/atau pekerja mereka, sama ada dengan atau tanpa pengetahuan dan/atau persetujuan **Peserta**, melainkan terdapat persetujuan terlebih dahulu antara **Peserta** dan **Syarikat** serta dinyatakan secara khusus atau disahkan di sini.

21. **Kerosakan Harta benda** terhadap kerja **Peserta** yang timbul daripada kerja tersebut atau mana-mana bahagiannya. Kerja **Peserta**:
- bermaksud kerja atau operasi yang dilakukan oleh atau bagi pihak **Peserta**,
  - bermaksud bahan, alat ganti atau peralatan yang disediakan berkaitan dengan kerja atau operasi tersebut, dan
  - termasuk jaminan atau pernyataan yang dibuat pada bila-bila masa berkenaan kesesuaian, kualiti, ketahanan atau prestasi mana-mana item yang termasuk dalam (i) atau (ii) di atas, serta arahan atau nasihat tentang sifat, penggunaan atau penyimpanan kerja **Peserta** yang diberikan oleh atau bagi pihak **Peserta**.
22. Sebarang liabiliti kontraktor dan/atau sub-kontraktor dan/atau pekerja mereka, sama ada dengan atau tanpa pengetahuan dan/atau persetujuan **Peserta**, melainkan terdapat persetujuan terlebih dahulu antara **Peserta** dan **Syarikat** serta dinyatakan secara khusus atau disahkan di sini.
23. Sebarang liabiliti yang timbul secara langsung atau tidak langsung akibat daripada kecuaian profesional **Peserta**.
24. Kerja yang sedang dijalankan atau telah dijalankan oleh **Peserta** terhadap mana-mana kenderaan air, pesawat atau benda yang dibuat atau bertujuan untuk terapung di air atau bergerak melalui air atau ruang angkasa.
25. Sebarang kejadian lain yang dilarang oleh prinsip Syariah.

### **SYARAT-SYARAT KHAS UNTUK SEKSYEN 3**

- Syarikat** berhak memeriksa buku dan rekod **Peserta** setakat mana ia berkaitan dengan manfaat ini pada bila-bila masa sehingga tiga (3) tahun selepas tamatnya **Sijil** ini atau satu (1) tahun selepas penyelesaian akhir semua tuntutan yang timbul di bawah **Sijil** ini, mana-mana yang lebih lewat. **Syarikat** juga boleh pada bila-bila masa membuat pemeriksaan atau tinjauan ke atas **Perniagaan** tanpa mengambil sebarang tanggungjawab untuk berbuat demikian atau sebagai akibat daripadanya.
- Jumlah keseluruhan yang akan dibayar oleh **Syarikat** bagi **Kerosakan** atau pampasan serta kos dan perbelanjaan tuntutan berhubung dengan:
  - satu tuntutan atau semua tuntutan dalam satu siri (sama ada timbul dalam satu **Tempoh Takaful** atau tidak) yang berpunca atau boleh dikaitkan dengan satu sumber punca asal;
  - mana-mana satu **Tempoh Takaful** bagi semua tuntutan tidak akan melebihi **Had Ganti Rugi** tanpa mengira bilangan pihak yang berhak menerima ganti rugi di bawah **Sijil** ini.
- Semua kenyataan yang dibuat dalam cadangan untuk **Sijil** ini dan mana-mana bahan yang dikemukakan bersama atau yang diperlukan olehnya adalah asas perlindungan yang diberikan di bawah **Sijil** ini. **Peserta** hendaklah memberi notis segera tentang mana-mana fakta, kejadian atau keadaan yang secara material mengubah maklumat tersebut dan **Syarikat** boleh mengubah syarat-syarat **Sijil** ini apabila ia berpendapat ia sesuai.

4. **Sijil** ini mengandungi semua perjanjian antara **Peserta** dan **Syarikat** mengenai **Takaful** yang diberikan. **Peserta** yang pertama dinamakan dalam **Jadual** diberi kuasa untuk membuat perubahan dalam syarat-syarat **Sijil** ini dengan persetujuan **Syarikat**. Syarat-syarat **Sijil** ini hanya boleh dipinda atau dibatalkan melalui **Endorsmen** yang dikeluarkan oleh **Syarikat** dan dijadikan sebahagian daripada **Sijil** ini.
5. (a) **Peserta** mestilah memberitahu dengan mengisi borang tuntutan yang disediakan oleh **Syarikat** dan menyerahkannya kepada **Syarikat** dengan segera sekiranya berlaku kejadian yang mungkin menyebabkan tuntutan. Pemberitahuan tersebut hendaklah merangkumi:
  - (i) bagaimana, bila dan di mana kejadian tersebut berlaku,
  - (ii) nama dan alamat mana-mana individu yang cedera serta saksi-saksi, dan
  - (iii) sifat dan lokasi mana-mana kecederaan atau kerosakan yang timbul akibat kejadian tersebut.
 (b) **Peserta** mestilah:
  - (i) memberitahu **Syarikat** tentang sebarang prosiding pendakwaan yang bakal dijalankan, siasatan atau inkues kemalangan maut,
  - (ii) memberikan pemberitahuan segera kepada **Syarikat** mengenai sebarang tuntutan atau tindakan yang dibawa terhadap **Peserta**,
  - (iii) segera menghantar kepada **Syarikat** salinan mana-mana surat tuntutan, writ, tuntutan, proses, notis, saman atau dokumen yang diterima berkaitan dengan tuntutan atau tindakan tersebut,
  - (iv) menyimpan dengan tidak diubah atau dibaiki mana-mana mesin, kilang, peralatan atau benda yang menyebabkan atau berkaitan dengan sebarang kejadian yang mungkin menyebabkan tuntutan di bawah **Sijil** ini selama tempoh yang munasabah ditetapkan oleh **Syarikat**.
6. (a) Tiada pengakuan, tawaran, janji, pembayaran atau ganti rugi akan dibuat atau diberikan oleh atau bagi pihak **Peserta** tanpa kebenaran bertulis daripada **Syarikat**. Atas permintaan **Syarikat**, **Peserta** mestilah:
  - (i) memberi kuasa kepada **Syarikat** untuk mendapatkan rekod dan maklumat lain,
  - (ii) berkerjasama dengan **Syarikat** dalam siasatan, penyelesaian atau pembelaan tuntutan atau tindakan, dan
  - (iii) membantu **Syarikat** dalam penguatkuasaan mana-mana hak terhadap mana-mana individu atau organisasi yang mungkin bertanggungjawab kepada **Peserta** disebabkan kecederaan atau kerosakan yang mana **Takaful** ini mungkin juga terpakai.
 (b) **Syarikat** akan mempunyai hak, tetapi tidak diwajibkan, untuk mengambil alih dan menjalankan pembelaan mana-mana tuntutan atas nama **Peserta**, dan akan mempunyai budi bicara penuh dalam menjalankan mana-mana prosiding dan dalam penyelesaian mana-mana tuntutan, dan selepas mengambil alih pembelaan mana-mana tuntutan, boleh melepaskan tuntutan tersebut. Semua jumlah yang dibelanjakan oleh **Syarikat** dalam pembelaan, penyelesaian atau pembayaran mana-mana tuntutan akan mengurangkan Had Ganti Rugi mengikut Fasal yang telah dinyatakan.

Sekiranya **Syarikat**, atas budi bicara tunggalnya, memilih untuk menggunakan haknya menurut syarat ini, tiada tindakan yang diambil oleh **Syarikat** dalam melaksanakan hak tersebut yang akan mengubah atau memperluas secara apa-apa cara tanggungjawab atau kewajiban **Syarikat** di bawah **Sijil** ini melebihi apa yang akan menjadi tanggungjawab atau kewajiban **Syarikat** sekiranya ia tidak melaksanakan haknya di bawah syarat ini.

7. **Syarikat** boleh, dalam kes mana-mana tuntutan atau beberapa tuntutan yang berkaitan dengan atau timbul daripada mana-mana kejadian, membayar kepada **Peserta** jumlah had ganti rugi yang sesuai dengan **Syarikat** atau mana-mana jumlah yang lebih rendah di mana tuntutan atau tuntutan-tuntutan tersebut boleh diselesaikan dan selepas itu, **Syarikat** tidak akan mempunyai sebarang tanggungjawab lagi berkenaan perkara tersebut.

8. Sekiranya **Syarikat** menafikan liabiliti kepada **Peserta** bagi mana-mana tuntutan di bawah ini dan tuntutan tersebut tidak dirujuk kepada timbang tara dalam tempoh dua belas (12) bulan kalender dari tarikh penafian tersebut, maka tuntutan tersebut akan dianggap sebagai ditinggalkan untuk semua tujuan dan tidak boleh lagi dikembalikan di bawah perjanjian ini.
9. Sekiranya terdapat sebarang pembayaran dibuat di bawah **Sijil** ini, jika **Peserta** mempunyai hak untuk mendapatkan semula keseluruhan atau sebahagian daripada pembayaran yang telah dibuat oleh **Syarikat** di bawah **Sijil** ini, hak tersebut akan dipindahkan kepada **Syarikat** setakat jumlah pembayaran yang telah dibuat. **Peserta** tidak boleh melakukan apa-apa yang boleh menjelaskan hak tersebut. Atas permintaan **Syarikat**, **Peserta** akan memulakan tindakan undang-undang atau memindahkan hak tersebut kepada **Syarikat** dan membantu **Syarikat** untuk menguatkuasakannya.
10. Hak dan tanggungjawab **Peserta** di bawah **Sijil** ini tidak boleh dipindahkan tanpa kebenaran bertulis daripada **Syarikat** kecuali dalam kes kematian **Peserta** individu yang dinamakan.

## DEFINISI PESERTA

Ganti rugi yang diberikan di bawah **Sijil** ini turut diperluaskan untuk melindungi:

- (i) Jika **Peserta** adalah seorang individu, **Peserta** dan pasangan **Peserta**, tetapi hanya berkaitan dengan pengendalian **Perniagaan Peserta**;
- (ii) Jika **Peserta** adalah perkongsian atau usaha sama, ahli-ahli **Peserta**, rakan kongsi dalam perkongsian atau usaha sama **Peserta**, dan pasangan mereka, tetapi hanya berkaitan dengan pengendalian **Perniagaan Peserta**; atau
- (iii) Jika **Peserta** adalah organisasi selain daripada perkongsian atau usaha sama, pegawai eksekutif dan pengarah **Peserta** tetapi hanya berkaitan dengan tugas mereka sebagai pegawai atau pengarah **Peserta**. Pemegang saham **Peserta** juga dilindungi tetapi hanya berkaitan dengan liabiliti mereka sebagai pemegang saham.

Walau bagaimanapun, pihak atau individu tersebut hendaklah mematuhi, memenuhi dan tertakluk kepada terma, syarat dan pengecualian dalam **Sijil** ini seolah-olah mereka adalah **Peserta**.

## FASAL YANG TERPAKAI UNTUK SEKSYEN 3

### 1. FASAL PERUBAHAN DAN PEMBAIKAN

Dengan ini diisyiharkan dan dipersetujui bahawa kerja-kerja pengubabsuaian, perubahan dan pembaikan dibenarkan untuk dijalankan di **Premis** tanpa menjelaskan terma dan syarat **Sijil** ini.

### 2. FASAL KONTRAKTOR DAN SUB-KONTRAKTOR

Walaupun terdapat apa-apa kandungan yang bertentangan di sini, dengan ini diisyiharkan dan dipersetujui bahawa ganti rugi yang diberikan dalam **Sijil** ini dilanjutkan untuk melindungi Liabiliti undang-undang kontraktor dan sub-kontraktor yang menjalankan kerja bagi pihak **Peserta** semasa terlibat dalam **Perniagaan** dan pekerjaan yang dinyatakan dalam **Sijil** ini.

Dengan syarat bahawa:

- (a) Sub-Kontraktor hendaklah, seolah-olah mereka adalah **Peserta**, mematuhi dan memenuhi terma-terma **Sijil** ini sejauh mana yang terpakai.
- (b) Sub-Kontraktor tidak berhak mendapat ganti rugi di bawah mana-mana **Sijil Takaful** atau polisi Insurans lain.

Tertakluk kepada terma dan syarat **Sijil**.

### 3. FASAL PENGECUALIAN PENYAKIT BERJANGKIT

- (a) Walaupun ada sebarang peruntukan yang bertentangan dalam **Sijil** ini, **Sijil** ini tidak melindungi sebarang **Kerugian**, liabiliti, **Kerosakan**, pampasan, kecederaan, penyakit, kematian, pembayaran perubatan, kos pembelaan, kos, perbelanjaan atau sebarang jumlah lain, sama ada secara langsung atau tidak langsung dan tanpa mengira punca lain yang turut menyumbang secara serentak atau berurutan, yang berpunca daripada, disebabkan oleh, timbul daripada, disumbang oleh, atau sebaliknya berkaitan dengan Penyakit Berjangkit atau ketakutan atau ancaman (sama ada sebenar atau yang dirasai) terhadap Penyakit Berjangkit.
- (b) Bagi tujuan **Endorsmen** ini, **Kerugian**, liabiliti, **Kerosakan**, pampasan, kecederaan, penyakit, jangkitan, kematian, pembayaran perubatan, kos pembelaan, kos, perbelanjaan atau sebarang jumlah lain, termasuk tetapi tidak terhad kepada, sebarang kos untuk membersihkan, mendetoksifikasi, menghapuskan, memantau atau menguji Penyakit Berjangkit.
- (c) Seperti yang digunakan di sini, Penyakit Berjangkit bermaksud sebarang penyakit yang boleh disebarluaskan melalui mana-mana bahan atau agen dari mana-mana organisme kepada organisme lain di mana:
  - i. bahan atau agen tersebut termasuk tetapi tidak terhad kepada, virus, bakteria, parasit atau organisme lain atau sebarang variasinya, sama ada dianggap hidup atau tidak, dan
  - ii. kaedah penyebaran, sama ada secara langsung atau tidak langsung, termasuk tetapi tidak terhad kepada, penyebaran udara, penyebaran melalui cecair badan, penyebaran dari atau kepada mana-mana permukaan atau objek, pepejal, cecair atau gas atau antara organisme, dan
  - iii. penyakit, bahan atau agen tersebut boleh menyebabkan atau mengancam kecederaan tubuh badan, penyakit, tekanan emosi, **Kerosakan** kepada kesihatan manusia, kesejahteraan manusia atau **Kerosakan Harta benda**.

Tertakluk kepada terma dan syarat **Sijil**.

### 4. KEBAKARAN DAN LETUPAN

Dinyatakan dan dipersetujui bahawa **Sijil** ini meliputi liabiliti undang-undang bagi **Peserta** berkenaan dengan kecederaan tubuh badan, penyakit atau **Kerosakan Harta benda** yang ditakrifkan di dalam yang disebabkan oleh kebakaran atau letupan (selain daripada letupan akibat tekanan wap dalaman mana-mana alat peralatan atau kapal yang direka untuk beroperasi di bawah tekanan wap) dengan syarat **Peserta** telah mengambil langkah berjaga-jaga yang munasabah untuk mematuhi semua keperluan undang-undang yang berkaitan dengan pemeriksaan yang dikenakan ke atas mana-mana loji, kapal atau peralatan dari mana kebakaran atau letupan itu timbul.

Tertakluk kepada terma dan syarat **Sijil** ini.

### 5. FASAL LOJI DAN MESIN

Dinyatakan di sini bahawa **Sijil** ini meliputi liabiliti bagi kematian secara tidak sengaja, kecederaan tubuh badan secara tidak sengaja atau **Kerosakan Harta benda** yang ditakrifkan yang disebabkan oleh atau timbul daripada atau berhubung dengan pemilikan, penggunaan atau penggunaan oleh atau bagi pihak **Peserta** mana-mana loji dan mesin, kecuali liabiliti di bawah mana-mana undang-undang yang mengawal penggunaan kenderaan bermotor.

Tertakluk kepada terma dan syarat **Sijil**.

## 6. FASAL PAPAN TANDA/NEON

Dinyatakan dan dipersetujui bahawa **Sijil** ini diperluaskan untuk meliputi semua jumlah yang **Peserta** akan menjadi liabiliti undang-undang untuk dibayar sebagai pampasan kepada Pihak Ketiga akibat kematian secara tidak sengaja, kecederaan tubuh badan secara tidak sengaja atau **Kerosakan Harta benda** yang disebabkan di atau sekitar **Premis** yang dinyatakan dalam **Jadual** oleh atau melalui papan tanda Neon/Papan Tanda **Peserta** yang dipasang di **Premis Peserta**.

Dengan syarat bahawa peluasan ini tidak meliputi sebarang tuntutan yang timbul sebagai akibat langsung daripada pemasangan, pengubahsuaian, pembongkaran atau kerja serupa yang dijalankan pada Papan Tanda/Neon.

Tertakluk kepada terma dan syarat **Sijil**.

## 7. FASAL PENGECUALIAN TERHAD KERUGIAN SIBER

- (a) Tidak kira apa-apa ketentuan yang bertentangan dalam **Sijil** ini atau sebarang Endorsmen yang berkaitan, **Sijil** ini mengecualikan semua kerugian, kerosakan, liabiliti, kos atau perbelanjaan apa-apa jenis yang secara langsung atau tidak langsung disebabkan, disumbang oleh, terhasil dari, timbul daripada atau berhubung dengan:
  - i) sebarang kerugian, pengubahsuaian, kerosakan atau pengurangan dalam fungsi, ketersediaan atau operasi Sistem Komputer, melainkan tertakluk kepada ketentuan dalam perenggan (b).
  - ii) sebarang kerugian penggunaan, pengurangan fungsi, pemberian, penggantian, pemulihan atau penghasilan semula mana-mana Data, termasuk apa-apa jumlah yang berkaitan dengan nilai Data tersebut.
- (b) Tertakluk kepada terma, syarat, dan pengecualian lain yang terkandung dalam **Sijil** ini, **Sijil** ini akan meliputi kerosakan fizikal pada **Harta benda** yang dilindungi di bawah **Sijil** asal dan sebarang Kerugian Elemen Masa yang terhasil secara langsung daripadanya apabila kerosakan fizikal tersebut secara langsung disebabkan oleh mana-mana bahaya berikut: kebakaran, kilat, letupan, impak pesawat atau kenderaan, objek jatuh, ribut angin, hujan batu, taufan, siklon, hurikan, gempa bumi, gunung berapi, tsunami, banjir, pembekuan atau berat salji.

Tidak kira apa-apa definisi perkataan yang ditandakan dalam **Sijil**, definisi berikut akan diterima pakai dalam Fasal ini:

- i. Sistem Komputer bermaksud mana-mana komputer, perkakasan, perisian, sistem komunikasi, peranti elektronik (termasuk tetapi tidak terhad kepada telefon pintar, komputer riba, tablet, peranti boleh pakai), *server*, *cloud* atau *microcontroller* termasuk mana-mana sistem serupa atau mana-mana konfigurasi daripada perkara yang disebutkan di atas dan termasuk mana-mana input, output, peranti penyimpanan data, peralatan rangkaian atau kemudahan sandaran yang berkaitan.
- ii. Data bermaksud maklumat, fakta, konsep, kod atau apa-apa maklumat lain dalam apa ju bentuk yang dirakam atau dihantar untuk digunakan, diakses, diproses, dihantar atau disimpan oleh Sistem Komputer.
- iii. Kerugian Elemen Masa bermaksud gangguan perniagaan, gangguan perniagaan bersyarat atau sebarang kerugian bersampingan lain.

## SYARAT-SYARAT TAMBAHAN

### 1. AGIHAN LEBIHAN

- a) Sebarang lebihan boleh agih yang timbul daripada **DTA**, seperti yang ditentukan oleh **Kami**, akan diagihkan seperti berikut:
  - (i) sekurang-kurangnya lima puluh peratus (50%) agihan lebihan akan diagihkan kepada peserta **Hibah**; dan
  - (ii) baki daripada agihan lebihan akan dibayar kepada **Kami** sebagai insentif prestasi berdasarkan **Ju'alah**.
- b) Kelayakan **Anda** untuk agihan lebihan tertakluk kepada terma dan syarat berikut:
  - (i) tiada tuntutan dibuat ketika **Tempoh Takaful**; dan
  - (ii) tiada manfaat telah diterima semasa **Tempoh Takaful**.
- c) Jumlah agihan lebihan akan dibayar terus ke akaun bank **Anda** dan hanya dibayar/boleh dituntut sehingga enam (6) bulan dari tarikh pengisytiharaan. Selepas itu, **Anda** bersetuju untuk melepaskan kelayakan **Anda** dan jumlah tersebut akan dikreditkan kepada **DTA** oleh **Kami**. Lebihan boleh agih tidak dijamin dan akan berdasarkan pengalaman tuntutan sebenar dan prestasi dana.

### 2. YURAN WAKALAH

Yuran **Wakalah** yang dikenakan di bawah **Sijil** ini ialah enam puluh peratus (60%) daripada **Sumbangan**. Yuran **Wakalah** akan ditolak terlebih dahulu selepas pembayaran **Sumbangan**.

### 3. BAYARAN UNTUK AMAUN KECIL

Untuk sebarang amaun yang patut dibayar dan yang akan dibayar kepada **Peserta** kerana bayaran balik/ serahan/ matang/ penamatan/ tuntutan yang akan dibayar menggunakan cara pembayaran selain daripada secara elektronik, bayaran tersebut akan hanya dibuat sekiranya amaun yang patut dibayar dan yang akan dibayar berjumlah Ringgit Malaysia Sepuluh (RM10.00) atau lebih. Untuk sebarang amaun yang kurang daripada Ringgit Malaysia Sepuluh (RM10.00), **Syarikat** akan mendermakan kepada badan amal.

## PERNYATAAN / ADUAN DAN RAYUAN TUNTUTAN

### 1. PERTANYAAN / ADUAN

Sebarang pertanyaan atau aduan berkaitan dengan apa-apa perkara yang berkaitan dengan **Sijil Anda**, **Anda** boleh merujuk kepada Unit Khidmat Pelanggan (*Customer Service Unit, CSU*) Kami di:

#### **Unit Khidmat Pelanggan (CSU)**

Syarikat Takaful Malaysia Am Berhad [201701032316 (1246486-D)]

Tingkat 27, Blok Annex,  
Menara Takaful Malaysia,  
No. 4, Jalan Sultan Sulaiman,  
50000 Kuala Lumpur  
Peti Surat 11483,  
50746 Kuala Lumpur.  
Tel: 1-300 88 252 385  
Faks: 603 - 2274 0237  
E-mel: [csu@takaful-malaysia.com.my](mailto:csu@takaful-malaysia.com.my)  
Laman Web: [www.takaful-malaysia.com.my](http://www.takaful-malaysia.com.my)

### 2. SALURAN BAGI RAYUAN TUNTUTAN

Jika **Anda** memerlukan penjelasan lanjut atau tidak berpuas hati dengan keputusan tuntutan **Kami**, sila hubungi Unit Khidmat Pelanggan (CSU) di 1-300-88-252-385 atau emel di [csu@takaful-malaysia.com.my](mailto:csu@takaful-malaysia.com.my) dan **Kami** akan memberikan maklum balas yang sewajarnya. Untuk kes rayuan, **Kami** akan mengajukan perkara yang sama kepada pengurusan kanan **Kami** untuk semakan dan maklum balas **Kami** sebaik sahaja rayuan **Anda** telah diputuskan/diselesaikan oleh **Kami**.

Sekiranya **Anda** tidak berpuas hati dengan keputusan muktamad berkenaan rayuan yang dibuat, **Anda** boleh merujuk kes itu sama ada kepada **Perkhidmatan Ombudsman Pasaran Kewangan (FMOS)** atau kepada BNMLINK, Bank Negara Malaysia (BNM) di alamat berikut dalam tempoh enam (6) bulan dari keputusan **Kami**.

#### **Perkhidmatan Ombudsman Pasaran Kewangan (FMOS) [200401025885 (664393P)] (Sebelum ini dikenali sebagai Ombudsman Perkhidmatan Kewangan)**

Tingkat 14, Blok Utama Takaful Malaysia  
No.4, Jalan Sultan Sulaiman  
50000 Kuala Lumpur  
Tel: +603-2272 2811  
Alamat Borang Web: <https://complaint.fmoss.org.my/open.php?lang=ms>  
Laman Web: [www.fmoss.org.my](http://www.fmoss.org.my)

#### **BNM Laman Informasi Nasihat dan Khidmat (BNMLINK)**

Bank Negara Malaysia  
Peti Surat 10922  
50929 Kuala Lumpur  
Tel: 1-300-88-5465 (LINK)  
Faks: 03-2174 1515  
Alamat Borang Web: [bnmlink.bnm.gov.my](http://bnmlink.bnm.gov.my)